



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI TERENGGANU

TAHUN 2013

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA




JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI

NEGERI TERENGGANU
TAHUN 2013

KANDUNGAN



PERKARA

MUKA SURAT

KATA PENDAHULUAN

vii

INTISARI LAPORAN

xi

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013	4

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	9
Akaun Hasil Disatukan	11
Akaun Pinjaman Disatukan	20
Akaun Amanah Disatukan	21
Penyata Prestasi Kewangan	33
Penyata Akaun Memorandum	33
Nota Kepada Penyata Kewangan	42
Rumusan Dan Syor Audit	43

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	47
Rumusan	50

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Latar Belakang	53
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri	53

PERKARA**MUKA SURAT**

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	54
Objektif Pengauditan	55
Skop Dan Metodologi Pengauditan	55
Kawalan Utama	56
Penemuan Audit	67
Pemeriksaan Audit Mengejut	72
Syor Audit	77

**BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	81
Pengauditan Penyata Kewangan	81
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	81
Pengesahan Penyata Kewangan	82
Pembentangan Penyata Kewangan	82
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri	83
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan	92
Syor Audit	98

**BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI**


Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	103
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	103

PENUTUP	107
----------------	-----

LAMPIRAN

I Sijil Ketua Audit Negara	111
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	112
III Penyata Kedudukan Kewangan	113
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	114
V Penyata Prestasi Kewangan	116
VI Penyata Akaun Memorandum	117
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	118

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini yang berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Jabatan Audit Negara juga telah membuat analisis terhadap penyata kewangan sama ada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2013 adalah tahun ketujuh pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat dan Berintegriti**. Selain itu, sebagai usaha berterusan memupuk kesedaran dan iltizam integriti yang tinggi di kalangan penjawat awam dalam pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan di beberapa Pusat Tanggungjawab terpilih seluruh negeri.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2013 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2013. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Jabatan/Agensi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakuran yang serius.

3. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urusan niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ia menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan stor sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai di Jabatan/Agensi Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.




(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
6 Ogos 2014**

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah baik dan kedudukan kewangan ini adalah lebih baik berbanding prestasi kewangan pada tahun 2012. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mencatatkan baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM759.96 juta iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM380.66 juta (100.4%) berbanding baki sejumlah RM379.30 juta pada tahun 2012. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan Kerajaan Negeri mencatatkan surplus yang tinggi iaitu sejumlah RM401.57 juta berbanding surplus RM293.42 juta pada tahun 2012. Surplus ini menjadikan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat kepada surplus RM461.50 juta berbanding surplus RM59.93 juta pada tahun 2012. Baki Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun sejumlah RM27.34 juta atau 7.6%. Prestasi pembayaran balik Hutang Awam pada tahun 2013 adalah baik kerana jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM33.51 juta manakala baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam juga menurun sejumlah RM14.49 juta. Kumpulan Wang Pembangunan pula mencatatkan peningkatan surplus semasa sejumlah RM227.27 juta atau 227.7% pada tahun 2013.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pada keseluruhannya, pencapaian perbelanjaan pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pada tahun 2013 adalah sederhana baik. Sehingga 31 Disember 2013, perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM945.62 juta atau 76.3% daripada RM1.24 bilion peruntukan yang diluluskan. Manakala sebanyak 747 projek atau 77.9% daripada 959 projek yang dirancang berjaya disiapkan, 177 projek dalam pelaksanaan dan 35 projek masih belum dimulakan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 16 Jabatan/Agensi Negeri. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 9 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Pejabat Daerah Kemaman, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu, Pejabat Tanah Besut, Majlis Daerah Setiu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah Marang mencapai tahap sangat baik. Manakala 7 Jabatan/Agensi Negeri lagi adalah pada tahap baik iaitu Pejabat Tanah Hulu Terengganu, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan Negeri, Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu. Analisis Audit mendapati masih berlaku ketidakpatuhan kepada prosedur/tatacara pengurusan kewangan yang ditetapkan terutama berkaitan kawalan pengurusan dan pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit. Perkara ini boleh diatasi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit di samping mengambil tindakan *preventive* dan proaktif bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.


BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Secara keseluruhannya, kedudukan penyerahan penyata kewangan bagi Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah baik. Kesemua 16 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan 15 Agensi telah diberikan Sijil Tanpa Teguran manakala satu Agensi telah diberikan Sijil Berteguran kerana projek telah siap tetapi masih diklasifikasikan sebagai kerja dalam pelaksanaan dan perbezaan baki kutipan hasil antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Kewangan. Penyata kewangan tahun 2012 bagi 15 Agensi Negeri telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri manakala penyata kewangan bagi satu Agensi tidak perlu dibentangkan selaras dengan undang-undang penubuhannya. Sehingga 30 Jun 2014, sebanyak 7 daripada 8 BBN, MAIDAM dan kesemua 7 PBT telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2013 untuk pengauditan. Analisis kewangan menunjukkan, 7 daripada 8 BBN dan 5 daripada 7 PBT telah mencatatkan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Manakala analisis Lembaran Imbangan menunjukkan 7 BBN dan 5 PBT berada dalam kedudukan kewangan yang stabil di mana jumlah aset semasa melebihi liabiliti semasa pada tahun 2013. Bagaimanapun, tunggakan cukai taksiran bagi 7 PBT telah mengalami peningkatan.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 9 Disember 2013. Manakala Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2012 berserta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 Siri 3 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 14 April 2014. Pada tahun 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2013 untuk membincangkan isu-isu yang berbangkit dalam Laporan tersebut.

BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan
Kerajaan NEGERI TERENGGANU
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2013



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kepada Jabatan Audit Negara pada **10 Februari 2014**. Penyata tersebut didapati telah disediakan dengan mengguna pakai Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak – 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berasaskan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*. Penyata ini melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2013 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kekurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.5. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula adalah Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang Kerajaan Negeri adalah bagi maksud Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah, Projek Pembangunan Dalam Negeri dan Pelbagai Projek.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2013. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Terengganu dan Jabatan Negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.


3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2013 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2013, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan; Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai; Penyata Prestasi Kewangan; Penyata Akaun Memorandum; Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM759.96 juta. Jumlah ini adalah dalam bentuk wang tunai dan pelaburan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	59.93	461.50	401.57	670.1
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	319.37	298.46	-20.91	-6.5
	<i>i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>				
	- Kumpulan Wang Pembangunan	-758.10	-630.63	127.47	16.8
	- Kumpulan Wang Bekalan Air	100.73	93.06	-7.67	-7.6
	- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	259.25	211.15	-48.10	-18.6
	<i>ii. Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	340.04	320.24	-19.80	-5.8
	<i>iii. Akaun Wang Deposit</i>	377.45	304.64	-72.81	-19.3
	Jumlah	379.30	759.96	380.66	100.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Analisis Audit menunjukkan Kumpulan Wang Disatukan meningkat dengan ketara sejumlah RM380.66 juta (100.4%) kepada RM759.96 juta berbanding RM379.30 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM401.57 juta (670.1%) menjadikan surplus terkumpul RM461.50 juta berbanding surplus terkumpul RM59.93 juta pada tahun 2012.


4.2.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

Jadual 4.2

Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-699.01	-496.28	-233.49	59.93	461.50
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	939.46	569.94	337.23	319.37	298.46
	<i>i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>					
	- Kumpulan Wang Pembangunan	59.16	-437.12	-658.29	-758.10	-630.63
	- Kumpulan Wang Bekalan Air	125.11	125.32	115.07	100.73	93.06
	- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	160.22	270.62	225.21	259.25	211.15
	<i>ii. Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	447.28	355.25	335.43	340.04	320.24
	<i>iii. Akaun Wang Deposit</i>	147.69	255.87	319.81	377.45	304.64
Jumlah		240.45	73.66	103.74	379.30	759.96

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.4. Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2013 adalah bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya dan merupakan paras yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Akaun Hasil

Disatukan. Manakala Akaun Amanah Disatukan menunjukkan trend menurun dari RM939.46 juta pada tahun 2009 kepada RM298.46 juta pada tahun 2013. Walaupun jumlah Akaun Amanah Disatukan menurun setiap tahun, tetapi penurunan tersebut adalah lebih rendah berbanding peningkatan Akaun Hasil Disatukan yang menyumbang kepada peningkatan Kumpulan Wang Disatukan.

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai aset Kerajaan Negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Kedudukan baki Wang Tunai pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Kedudukan Baki Wang Tunai Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	318.44	559.61	241.17	75.7
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	10.81	0.00	-10.81	-100.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.05	0.05	0.00	0.0
Jumlah		329.30	559.66	230.36	70.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2013 dan 2012 menunjukkan peningkatan yang ketara berjumlah RM230.36 juta (70%) menjadi RM559.66 juta berbanding RM329.30 juta pada tahun 2012. Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2013 iaitu menurun sejumlah RM10.81 juta (100%) berbanding tahun 2012. Penurunan ini adalah disebabkan tiada pungutan pada akhir tahun yang lewat dimasukkan ke dalam bank. Manakala baki Wang Tunai Dalam Bank meningkat sejumlah RM241.17 juta (75.7%) menjadi RM559.61 juta berbanding RM318.44 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh baki akaun semasa yang meningkat dengan ketara kepada RM288.61 juta pada tahun 2013 berbanding RM15.45 juta pada tahun 2012.

4.3.1.3. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.4**Kedudukan Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	240.36	73.55	99.42	318.44	559.61
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.004	0.02	4.23	10.81	0.00
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.09	0.09	0.09	0.05	0.05
Jumlah		240.45	73.66	103.74	329.30	559.66

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2**Kedudukan Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.1.4. Urus niaga yang tidak dapat dipadankan dalam Penyata Penyesuaian Bank akan memberi impak kepada baki Wang Tunai Dalam Bank sama ada jumlah tersebut terlebih atau terkurang dinyatakan. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 143 urusniaga tertunggak bagi tempoh 6 tahun sehingga 6 bulan berjumlah RM0.43 juta masih tidak dapat dipadankan dalam Penyata Penyesuaian Bank.

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebih wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala, Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan.

4.3.2.2. Pada tahun 2013 Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan berjumlah RM200.30 juta yang terdiri daripada Pelaburan Am berjumlah RM200.0 juta dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM0.30 juta. Pelaburan Kerajaan Negeri

pada tahun 2013 adalah meningkat sejumlah RM150.30 juta (300.6%) berbanding pelaburan berjumlah RM50.0 juta pada tahun 2012.

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.2. Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan surplus semasa berjumlah RM401.57 juta berbanding surplus berjumlah RM293.42 juta pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM108.15 juta atau 36.9%. Surplus ini berpunca daripada hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM2.88 bilion melebihi perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM2.48 bilion. Dengan surplus semasa dalam Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2013 menjadikan baki surplus terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat kepada RM461.50 juta berbanding RM59.93 juta pada tahun 2012. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5

Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-233.49	59.93	293.42	125.7
Hasil	2,688.46	2,878.76	190.30	7.1
Perbelanjaan Mengurus	2,395.04	2,477.19	82.15	3.4
Surplus Bagi Tahun	293.42	401.57	108.15	36.9
Baki Pada 31 Disember	59.93	461.50	401.57	670.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.3**. Surplus pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.


Jadual 4.6

Prestasi Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-424.96	-699.01	-496.28	-233.49	59.93
Hasil	1,511.01	1,892.95	2,312.65	2,688.46	2,878.76
Perbelanjaan Mengurus	1,785.06	1,690.22	2,049.86	2,395.04	2,477.19
Surplus/Defisit	-274.05	202.73	262.79	293.42	401.57
Baki Pada 31 Disember	-699.01	-496.28	-233.49	59.93	461.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.3
Trend Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Analisis Audit terhadap pencapaian penerimaan hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan Akaun Hasil Disatukan telah mengalami defisit pada tahun 2009. Bagaimanapun, pada tahun 2010 Akaun Hasil Disatukan kembali mencatatkan surplus berjumlah RM202.73 juta dan terus meningkat sehingga tahun 2013 dengan surplus berjumlah RM401.57 juta.

4.4.5. Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dikategorikan kepada 3 jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah meningkat berbanding tahun 2012.

4.4.5.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Pada tahun 2013, kutipan hasil sebenar Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM2.88 bilion iaitu RM873.44 juta atau 43.6% lebih tinggi berbanding anggaran yang berjumlah RM2.01 bilion. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2013 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7**Kutipan Hasil Sebenar Pada Tahun 2013 Berbanding Anggaran Yang Diluluskan**

Bil.	Butiran Hasil	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Varian	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	49.48	48.84	-0.64	-1.3
2.	Hasil Bukan Cukai	144.01	219.28	75.27	52.3
3.	Terimaan Bukan Hasil	1,811.83	2,610.64	798.81	44.1
Jumlah		2,005.32	2,878.76	873.44	43.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.2. Kutipan Hasil Tahun 2013 Berbanding 2012

- a. Pada tahun 2013, hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM190.30 juta (7.1%) menjadi RM2.88 bilion berbanding RM2.69 bilion pada tahun 2012. Kutipan hasil pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8**Kutipan Hasil Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	50.07	48.84	-1.23	-2.5
2.	Hasil Bukan Cukai	168.69	219.28	50.59	30.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	2,469.70	2,610.64	140.94	5.7
Jumlah		2,688.46	2,878.76	190.30	7.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis Audit menunjukkan peningkatan Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil menyumbang kepada peningkatan hasil secara keseluruhan walaupun Hasil Cukai mengalami sedikit penurunan. Butiran Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil yang menyumbang kepada peningkatan hasil pada tahun 2013 adalah Premium Tanah Biasa – Borang 5a berjumlah RM98.31 juta dan Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) berjumlah RM2.34 bilion.


4.4.5.3. Prestasi Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

- a. Prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Carta 4.4**. Kutipan hasil pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh tersebut.

Jadual 4.9**Prestasi Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	43.01	46.87	46.24	50.07	48.84
2.	Hasil Bukan Cukai	133.87	107.48	140.34	168.69	219.28
3.	Terimaan Bukan Hasil	1,334.13	1,738.60	2,126.07	2,469.70	2,610.64
Jumlah		1,511.01	1,892.95	2,312.65	2,688.46	2,878.76

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Berdasarkan **Jadual 4.9** dan **Carta 4.4** di atas, trend kutipan hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan yang konsisten dari tahun 2009 hingga 2013. Peningkatan ini adalah selari dengan Terimaan Bukan Hasil yang turut mencatatkan peningkatan dari tahun 2009 hingga 2013. Butiran Terimaan Bukan Hasil tertinggi adalah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas).

4.4.5.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas), Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain, Premium Tanah Biasa – Borang 5a, Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama dan Pemberian Tahap (Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup). Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM2.65 bilion atau 91.9% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2013 berbanding kutipan RM2.45 bilion atau 91.2% dalam tahun 2012 seperti di **Jadual 4.10**. Terimaan Dana Khas yang berjumlah RM2.34 bilion pula telah menyumbang 81.3% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2013. Trend kutipan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) merupakan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh tersebut.

Jadual 4.10**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Butiran Hasil	2012		2013	
		Jumlah (RM Juta)	Peratus Berbanding Jumlah Hasil (%)	Jumlah (RM Juta)	Peratus Berbanding Jumlah Hasil (%)
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	2,350.00	87.4	2,340.00	81.3
2.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain	9.47	0.4	127.41	4.4
3.	Premium Tanah Biasa - Borang 5a	38.27	1.4	98.31	3.4
4.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	39.26	1.5	41.57	1.4
5.	Pemberian Tahap (Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup)	14.00	0.5	41.47	1.4
Jumlah		2,451.00	91.2	2,648.76	91.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.11**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,210.10	1,600.00	1,950.00	2,350.00	2,340.00
2.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain	9.28	9.73	26.87	9.47	127.41
3.	Premium Tanah Biasa - Borang 5a	22.61	25.87	44.82	38.27	98.31
4.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	31.38	34.33	37.84	39.26	41.57
5.	Pemberian Tahap (Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup)	27.73	27.73	27.73	14.00	41.47
Jumlah		1,301.10	1,697.66	2,087.26	2,451.00	2,648.76

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5.5. Peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12**Peningkatan Dan Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Peningkatan Dan Peruntukan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012						
Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Peningkatan						
1.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain	9.47	127.41	117.94	1,245.4	Sebahagian besar peruntukan yang diterima daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah telah dijadikan hasil.

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
2.	Premium Tanah Biasa – Borang 5a	38.27	98.31	60.04	156.9	Peningkatan kelulusan permohonan tanah pada tahun 2013.
3.	Pemberian Tahap (Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup)	14.00	41.47	27.47	196.2	Terimaan hasil Pemberian Tahap (Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup) sejumlah RM13.74 juta pada tahun 2012 telah diambil kira ke akaun hasil pada tahun 2013.
4.	Keuntungan Akaun Pelaburan Al-Mudharabah	6.06	15.05	8.99	148.3	Pertambahan simpanan tetap dan keuntungan repo daripada dana yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.
5.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama	39.26	41.57	2.31	5.9	Peningkatan jumlah perbelanjaan mengurus 4 jabatan iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Majlis Sukan Negeri pada tahun 2013.
Penurunan						
6.	Bekalan Air	40.00	25.00	15.00	37.5	Terimaan hasil bekalan air adalah berjumlah RM30.0 juta setahun. Pada tahun 2012, terdapat tunggakan hasil tahun 2011 yang dibayar pada tahun 2012. Manakala, pada tahun 2013, sejumlah RM5.0 juta belum dibayar oleh Jabatan Bekalan Air.
7.	Premium Perhutanan	42.17	27.84	14.33	34.0	Bayaran premium kawasan lesen bagi mengisi kuota sehingga tahun 2015 kebanyakannya telah dibayar pada tahun 2012.
8.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	2,350.00	2,340.00	10.00	0.4	Kerajaan Negeri menerima Terimaan Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah berbanding tahun 2012.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6. Perbelanjaan Mengurus

4.4.6.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan. Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dibuat mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Perbelanjaan Bekalan adalah berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran emolumen dan bayaran bagi perolehan barangan atau perkhidmatan termasuk bayaran pindahan ke Kumpulan Wang tertentu. Maksud Bekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan-badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan.

4.4.6.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah berjumlah RM2.48 bilion iaitu 97.3% berbanding anggaran yang diluluskan yang berjumlah RM2.55 bilion. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Perbelanjaan Sebenar Pada Tahun 2013 Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	254.43	246.46	96.9
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	183.89	173.59	94.4
3.	Aset	25.66	22.90	89.2
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	2,077.01	2,030.55	97.8
5.	Perbelanjaan Lain	4.32	3.69	85.4
Jumlah		2,545.31	2,477.19	97.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.3. Secara keseluruhannya perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 meningkat sejumlah RM82.16 juta (3.4%) kepada RM2.48 bilion berbanding RM2.40 bilion pada tahun 2012. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	234.77	246.46	11.69	5.0
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	180.60	173.59	-7.01	-3.9
3.	Aset	31.30	22.90	-8.40	-26.8
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,947.96	2,030.55	82.59	4.2
5.	Perbelanjaan Lain	0.40	3.69	3.29	822.5
Jumlah		2,395.03	2,477.19	82.16	3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.4. Analisis Audit menunjukkan peningkatan perbelanjaan mengurus adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan di bawah kategori Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap yang meningkat sejumlah RM82.59 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM1.02 bilion merupakan penyumbang utama kepada peningkatan perbelanjaan bagi maksud ini. Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap merupakan perbelanjaan tertinggi pada tahun 2013 iaitu berjumlah RM2,030.55 juta atau 82% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.

4.4.6.5. Peningkatan dan penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15

Peningkatan Dan Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Peningkatan						
1.	Pemberian Dalam Negeri	1,855.86	1,931.01	75.15	4.0	Peningkatan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, tambahan bantuan perayaan di bawah Pejabat Dewan Undangan Negeri, pertambahan aktiviti dan pemberian anugerah kecemerlangan kepada JKKK, serta peningkatan bayaran bagi Hafazan dan kenaikan kadar bayaran Jurumandi Mayat di bawah Pejabat Hal Ehwal Agama Negeri.
2.	Bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bantuan Kewangan	0.00	16.77	16.77	100.0	Kod baru yang diwujudkan pada tahun 2013 bagi bayaran bonus dan imbuhan tahunan kepada kakitangan awam.
Penurunan						
3.	Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	14.37	1.22	13.15	91.5	Bayaran bagi bonus dan imbuhan tahunan kepada kakitangan awam pada tahun 2013 telah menggunakan kod objek 17000.
4.	Kenderaan Dan Jentera	14.27	7.19	7.08	49.6	Penurunan bajet dan perbelanjaan di bawah kod objek 34000 berbanding tahun 2012 serta penurunan dalam kelulusan pembelian kenderaan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.6.6. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.5**.

Jadual 4.16

Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Emolumen	192.19	203.36	209.59	234.77	246.46
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	149.51	155.99	160.59	180.60	173.59
3.	Aset	38.23	35.75	27.85	31.30	22.90
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,404.80	1,294.67	1,649.10	1,947.96	2,030.55
5.	Perbelanjaan Lain	0.33	0.45	2.73	0.40	3.69
Jumlah		1,785.06	1,690.22	2,049.86	2,395.03	2,477.19

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.6.7. Analisis Audit mendapati perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mengalami penurunan sejumlah RM94.84 juta (5.3%) pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun kedudukan perbelanjaan menunjukkan trend peningkatan bermula tahun 2011 dan terus meningkat sehingga tahun 2013. Trend penurunan dan peningkatan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah dipengaruhi oleh trend perbelanjaan bagi maksud Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap. Jenis perbelanjaan di bawah Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap antaranya adalah seperti Caruman Kepada Tabung Amanah Warisan Negeri, Program Bantuan Perayaan Aidilfitri Tahun 2013 Kepada Pejabat Daerah, Caruman Kepada Yayasan Islam Terengganu dan Bayaran Untuk e-Book Tahun 4 kepada Top IT Industries Sdn. Bhd.

4.4.6.8. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bayaran berjumlah RM3.73 juta telah dibuat pada tahun 2013 iaitu meningkat sejumlah RM1.92 juta (106.1%) berbanding RM1.81 juta pada tahun 2012. Senarai Jabatan/Pejabat yang membuat pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.17**. Pembayaran di bawah AP58(a) bagi Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM3.40 juta (91.2%) antaranya adalah untuk bayaran kontrak kerbersihan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM0.90 juta, bil elektrik lampu jalan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM0.97 juta, bayaran perkhidmatan pengangkutan dan penyewaan peralatan *Grand Handling* berjumlah RM0.55 juta serta bayaran perkhidmatan penyewaan sistem pentas sempena lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Manir berjumlah RM0.30 juta.

Jadual 4.17

Senarai Jabatan/Pejabat Yang Membuat Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Jabatan/Pejabat	2012		2013		Perubahan	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	45	1.44	79	3.40	1.96	136.1
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5	0.00	20	0.11	0.11	100.0
3.	Pejabat Dewan Undangan Negeri	46	0.06	22	0.11	0.05	83.3
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri	16	0.08	15	0.04	-0.04	-50.0
5.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	0	0.00	5	0.02	0.02	100.0
6.	Jabatan/Pejabat Lain	75	0.23	28	0.05	-0.18	-78.3
Jumlah		187	1.81	169	3.73	1.92	106.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air atau kumpulan wang lain yang berkaitan.

4.5.2. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM22.93 juta untuk membiayai projek bekalan air. Daripada jumlah ini, kesemuanya telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air untuk membiayai Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil Negeri. Pada akhir tahun 2013, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki kosong iaitu sama seperti pada tahun 2012 dan tahun sebelumnya. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18

Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	12.65	22.93	10.28	81.3
Bayaran	12.65	22.93	10.28	81.3
Baki Pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.3. Trend terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.6**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

4.6.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2013, baki Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM298.46 juta iaitu menurun sejumlah RM20.91 juta (6.5%) berbanding RM319.37 juta pada tahun

2012. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19

Kedudukan Akaun Amanah Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-398.12	-326.42	71.70	18.0
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-758.10	-630.63	127.47	16.8
• <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	100.73	93.06	-7.67	-7.6
• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	259.25	211.15	-48.10	-18.6
ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	340.04	320.24	-19.80	-5.8
iii) Akaun Wang Deposit	377.45	304.64	-72.81	-19.3
Baki Pada 31 Disember	319.37	298.46	-20.91	-6.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2. Analisis Audit menunjukkan baki Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit masing-masing menurun sejumlah RM19.80 juta dan RM72.81 juta pada tahun 2013 berbanding 2012. Manakala Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sejumlah RM71.70 juta (18%) pada tahun 2013 menjadi baki debit RM326.42 juta berbanding baki debit RM398.12 juta pada tahun 2012.

4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Jadual Kedua dan Jadual Ketiga) yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Terimaan Pemberian Dan Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan dan Terimaan Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan Negeri. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Kedudukan Baki Kumpulan Wang Pembangunan
Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-658.30	-758.10	-99.80	-15.2
Penerimaan	909.75	1,043.20	133.45	14.7
Pembayaran	1,009.55	915.73	-93.82	-9.3
Surplus/Defisit Semasa	-99.80	127.47	227.27	227.7
Baki Pada 31 Disember	-758.10	-630.63	127.47	16.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Pada tahun 2013, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan surplus semasa berjumlah RM127.47 juta berbanding defisit RM99.80 juta pada tahun 2012. Surplus ini adalah disebabkan oleh penerimaan berjumlah RM1.04 bilion yang lebih tinggi berbanding pembayaran berjumlah RM915.73 juta. Ini menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2013 menurun sejumlah RM127.47 juta (16.8%) menjadi RM630.63 juta berbanding RM758.10 juta pada tahun 2012.
- c. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM915.73 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM1.01 bilion pada tahun 2012. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21
Kedudukan Perbelanjaan Pembangunan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	916.01	836.77	-79.24	-8.7
2.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	29.67	21.15	-8.52	-28.7
3.	Jabatan Kerja Raya	17.39	19.40	2.01	11.6
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	18.09	12.04	-6.05	-33.4
5.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	4.75	5.81	1.06	22.3
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.34	2.63	0.29	12.4
7.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5.46	2.52	-2.94	-53.8
8.	Jabatan Pertanian	2.16	2.32	0.16	7.4
9.	Pejabat Daerah Setiu	1.99	2.00	0.01	0.5
10.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	1.97	1.99	0.02	1.0
11.	Pejabat Daerah Kemaman	1.99	1.97	-0.02	-1.0
12.	Pejabat Daerah Besut	1.97	1.92	-0.05	-2.5
13.	Pejabat Daerah Marang	1.99	1.90	-0.09	-4.5
14.	Pejabat Daerah Dungun	1.84	1.85	0.01	0.5
15.	Jabatan Perhutanan	1.93	1.46	-0.47	-24.4
Jumlah		1,009.55	915.73	-93.82	-9.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- d. Analisis Audit mendapati perbelanjaan bagi 7 daripada 15 Jabatan/Pejabat mencatatkan peningkatan manakala 8 Jabatan/Pejabat mencatatkan penurunan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012.

- e. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM836.77 juta pada tahun 2013 berbanding sejumlah RM916.01 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan ini antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan pembangunan seperti pembinaan istana baru di Bukit Chendering sejumlah RM177.41 juta, *Double Road Frontage* Fasa 2 berjumlah RM51.59 juta, pembinaan jambatan di atas Sungai Terengganu ke Pulau Sekati, Manir, Terengganu berjumlah RM35.0 juta dan projek di bawah program pembasmian kemiskinan, pembangunan kampung dan masyarakat berjumlah RM34.54 juta.
- f. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri mencatatkan perbelanjaan pembangunan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM21.15 juta manakala Jabatan Kerja Raya mencatatkan perbelanjaan ketiga tertinggi iaitu sejumlah RM19.40 juta pada tahun 2013. Perbelanjaan ini antaranya adalah bagi membiayai bangunan baru Pejabat Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya Hulu Terengganu berjumlah RM4.61 juta, pembaikan istana-istana negeri Terengganu berjumlah RM1.98 juta serta menaik aras jalan/membaiki jalan di negeri Terengganu berjumlah RM1.78 juta.

4.6.3.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan Dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM93.06 juta berbanding RM100.73 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sejumlah RM7.67 juta. Penurunan sebanyak 7.6% ini adalah disebabkan sejumlah RM30.60 juta perbelanjaan melebihi penerimaan berjumlah RM22.93 juta pada tahun 2013. Pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM22.93 juta adalah bagi membiayai Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil Negeri. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air
Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Perkara	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	115.07	100.73	-14.34	-12.5
Penerimaan	12.65	22.93	10.28	81.3
Pembayaran	26.99	30.60	3.61	13.4
Lebihan/Defisit Semasa	-14.34	-7.67	6.67	46.5
Baki Pada 31 Disember	100.73	93.06	-7.67	-7.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Antara projek yang dibuat pembayaran pada tahun 2013 adalah projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil (NRW) Negeri Terengganu berjumlah RM22.73 juta, Pemasangan Paip Air Baru/Retikulasi berjumlah RM2.47 juta dan Pembinaan *Barrage* Di Sungai Besut berjumlah RM1.08 juta.

4.6.3.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23

**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	7.44	3.33	-4.11	-55.2
2.	Akaun Perniagaan	0.63	0.69	0.06	9.5
3.	Akaun Pinjaman	54.77	54.42	-0.35	-0.6
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	5.00	5.00	0.0	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	191.41	147.71	-43.70	-22.8
Baki Pada 31 Disember		259.25	211.15	-48.10	-18.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis Audit menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM211.15 juta iaitu menurun sejumlah RM48.10 juta (18.6%) berbanding RM259.25 juta pada tahun 2012. Ini disebabkan oleh baki Akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah telah menurun sejumlah RM43.70 juta (22.8%) menjadi RM147.71 juta berbanding RM191.41 juta pada tahun 2012. Penurunan ini adalah disebabkan oleh jumlah Akaun Kena Bayar menurun sejumlah RM43.70 juta (30.9%) kepada RM97.71 juta pada tahun 2013 berbanding RM141.41 juta pada tahun 2012.

c. Akaun Kena Bayar

- i. Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang tidak sempat dibayar pada akhir tahun semasa dan dibayar pada awal tahun berikutnya. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Terengganu Bil. 3 Tahun 2013 yang membenarkan bayaran bagi perbelanjaan tahun 2013 di bawah Akaun Kena Bayar (AKB) dibuat sehingga 9 Januari 2014 dan menetapkan semua pesanan kerajaan dan inden kerja perlu dihentikan mulai 28 November 2013 kecuali bekalan petroleum.

- ii. Pada akhir tahun 2013, perbelanjaan AKB adalah berjumlah RM97.71 juta berbanding RM141.41 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sejumlah RM43.70 juta. Sebanyak 33 Jabatan/Pejabat mempunyai perbelanjaan AKB pada tahun 2013. Analisis Audit mendapati 13 Jabatan/Pejabat mengalami peningkatan manakala 20 Jabatan/Pejabat pula mengalami penurunan. Kedudukan AKB yang melebihi RM1.0 juta mengikut Jabatan/Pejabat pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24

Kedudukan Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	41.24	27.71	-13.53	-32.8
2.	Jabatan Kerja Raya	44.17	18.41	-25.76	-58.3
3.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	9.27	6.60	-2.67	-28.8
4.	Pejabat Daerah Kemaman	4.12	6.21	2.09	50.7
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	15.41	5.48	-9.93	-64.4
6.	Jabatan Bekalan Air	1.05	4.37	3.32	316.2
7.	Pejabat Daerah Setiu	1.54	4.26	2.72	176.6
8.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	4.50	3.95	-0.55	-12.2
9.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	0.12	2.97	2.85	2,375.0
10.	Pejabat Daerah Dungun	7.05	2.86	-4.19	-59.4
11.	Pejabat Daerah Besut	4.12	2.83	-1.29	-31.3
12.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.44	2.80	2.36	536.4
13.	Jabatan Hal Ehwal Agama	1.31	2.59	1.28	97.7
14.	Pejabat Daerah Marang	1.53	1.96	0.43	28.1
15.	Jabatan-Jabatan Lain (19 Jabatan)	5.54	4.71	-0.83	15.0
Jumlah		141.41	97.71	-43.70	-30.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- iii. Berdasarkan **Jadual 4.24** di atas, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan AKB tertinggi iaitu sejumlah RM27.71 juta diikuti oleh Jabatan Kerja Raya (RM18.41 juta), Pejabat Daerah Kuala Terengganu (RM6.60 juta) dan Pejabat Daerah Kemaman (RM6.21 juta). Pejabat Tanah Kuala Terengganu mencatatkan peratusan peningkatan paling tinggi iaitu sebanyak 2,375% atau RM2.85 juta kepada RM2.97 juta berbanding RM0.12 juta pada tahun 2012 diikuti dengan Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Bekalan Air yang masing-masing meningkat sebanyak 536.4% dan 316.2%.
- iv. Antara sebab perbelanjaan dibuat di bawah AKB adalah tuntutan/bil daripada pegawai dan pembekal diterima selepas tarikh tutup akaun, dokumen sokongan kepada bil/tuntutan tidak lengkap, program luar jangka yang dilakukan pada akhir tahun, waran peruntukan lewat diterima dan faktor banjir di Kemaman menyebabkan projek tergendala dan lambat disiapkan. Analisis Audit mendapati bayaran utama AKB pada tahun 2013 adalah bayaran kemajuan projek iaitu berjumlah RM67.98 juta atau 69.6% daripada perbelanjaan keseluruhan AKB.

4.6.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.4.1. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan Kumpulan Wang ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM320.24 juta berbanding RM340.04 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sejumlah RM19.80 juta (5.8%). Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam
Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Perkara	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	335.43	340.04	4.61	1.4
Penerimaan	315.74	341.81	26.07	8.3
Pembayaran	311.13	361.61	50.48	16.2
Baki Pada 31 Disember	340.04	320.24	-19.80	-5.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.4.2. Analisis Audit mendapati akaun amanah yang menunjukkan peningkatan ketara antaranya adalah Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri yang meningkat sejumlah RM1.47 juta dan Akaun Amanah Modul Bersepadu Pra Perkahwinan Islam (RM0.43 juta). Manakala Akaun Amanah yang menunjukkan penurunan ketara antaranya adalah Akaun Amanah Dana Khas yang menurun sejumlah RM10.18 juta dan Akaun Amanah Pengurusan Elaun JKKK (RM7.25 juta).

4.6.4.3. Pada tahun 2013, satu akaun amanah baru telah ditubuhkan iaitu Tabung Wang Amanah Tenaga Nasional Berhad (TWATNB). Tabung Amanah ini diwujudkan bagi menguruskan terimaan dan perbelanjaan/pembayaran bagi aktiviti penyelenggaraan jalan yang melibatkan agensi pelaksana iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Sehingga akhir tahun 2013, baki TWATNB adalah berjumlah RM0.50 juta.

4.6.4.4. Pada tahun 2013, sebanyak 3 akaun amanah seperti di **Jadual 4.26** telah ditutup kerana tidak diperlukan lagi.

Jadual 4.26
Akaun Amanah Yang Ditutup Pada Tahun 2013

Bil.	Nama Akaun Amanah	Baki Akhir (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Tabung Peralatan Jantung	0.04
2.	Projek Pembangunan Pulau Duyong	1.69
3.	Akaun Amanah Tabung TESDEC	0.16
Jumlah		1.89

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.4.5. Baki Akaun Amanah Tabung Peralatan Jantung sejumlah RM0.04 juta telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan manakala baki bagi Akaun Amanah Projek Pembangunan Pulau Duyong (RM1.69 juta) dan Akaun Amanah Tabung TESDEC (RM0.16 juta) masing-masing telah dipindahkan ke Akaun Amanah Dana Khas dan disalurkan peruntukan kepada TESDEC. Pindahan baki ke Akaun Amanah Dana Khas dan saluran peruntukan kepada TESDEC adalah tidak mengikut tatacara penutupan akaun amanah yang ditetapkan dalam Arahan Amanah bagi kedua-dua akaun tersebut iaitu apa-apa baki kredit kepada Akaun Amanah hendaklah dipindahkan ke Akaun Hasil. Selain itu terdapat satu akaun amanah awam yang tidak bergerak melebihi 5 tahun tetapi masih belum ditutup iaitu Akaun Amanah Tabung TATI yang tidak bergerak sejak tahun 2008. Sehingga akhir tahun 2013, baki akaun amanah ini adalah berjumlah RM0.15 juta.

4.6.4.6. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2013, baki Kumpulan Wang menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.47 juta (0.6%) menjadi RM243.16 juta berbanding RM241.69 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan sejumlah RM298.02 juta adalah lebih tinggi berbanding perbelanjaan yang berjumlah RM296.55 juta. Terimaan berjumlah RM298.02 juta adalah termasuk sejumlah RM138.01 juta pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi penyelenggaraan jalan raya negeri pada tahun 2013. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.27** dan **Carta 4.7**.

Jadual 4.27


**Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri
Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Perbelanjaan Berbanding Terimaan (%)
2009	177.53	226.03	201.22	202.34	89.0
2010	202.34	225.96	211.09	217.21	93.4
2011	217.21	223.93	199.32	241.82	89.0
2012	241.82	256.74	256.87	241.69	100.1
2013	241.69	298.02	296.55	243.16	99.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.7
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri
Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

RM Juta



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Pada tahun 2013, sejumlah RM296.55 juta atau 99.5% telah dibelanjakan daripada jumlah terimaan RM298.02 juta. Baki akaun pada tahun 2013 adalah berjumlah RM243.16 juta berbanding RM241.69 juta pada tahun 2012. Berdasarkan *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS), panjang jalan negeri sehingga 31 Disember 2013 adalah 6,914.17 km.

4.6.4.7. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang ini diwujudkan mengikut seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak.
- b. Pada tahun 2013, Kumpulan Wang ini mencatatkan defisit sejumlah RM0.91 juta disebabkan perbelanjaan yang berjumlah RM5.78 juta melebihi penerimaan yang berjumlah RM4.87 juta. Defisit ini menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang ini menurun menjadi RM5.65 juta berbanding RM6.56 juta pada tahun 2012. Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Perkara	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	5.18	3.38	5.16	5.31	6.56
Penerimaan	2.68	4.93	3.43	6.20	4.87
Pembayaran	4.48	3.15	3.28	4.95	5.78
Surplus/Defisit	-1.80	1.78	0.15	1.25	-0.91
Baki Pada 31 Disember	3.38	5.16	5.31	6.56	5.65

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Analisis Audit mendapati kutipan ses kayu balak pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM1.33 juta (21.5%) kepada RM4.87 juta berbanding RM6.20 juta pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan pengeluaran kayu balak sebanyak 102,997 meter padu daripada 548,521 meter padu pada tahun 2012 kepada 445,524 meter padu pada tahun 2013. Manakala perbelanjaan Kumpulan Wang pula mencatatkan peningkatan sejumlah RM0.83 juta (16.8%) menjadi RM5.78 juta pada tahun 2013 berbanding RM4.95 juta pada tahun 2012.

4.6.4.8. Amanah Dana Khas

- a. Akaun Amanah Dana Khas ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan akaun ini adalah untuk memperakaunkan wang yang diterima bagi melaksanakan program yang dibiayai di bawah Dana Khas. Penerimaan akaun amanah ini adalah terdiri daripada wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan orang awam, pihak berkuasa berkanun atau mana-mana entiti yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan Negeri Terengganu.
- b. Pada tahun 2013, akaun ini berbaki RM47.69 juta iaitu menurun sejumlah RM10.18 juta (17.6%) berbanding RM57.87 juta pada tahun 2012. Penerimaan pada tahun 2013 berjumlah RM4.19 juta adalah merupakan tambahan peruntukan kepada Pejabat Kesihatan Negeri sejumlah RM2.50 juta serta pembetulan dan pelarasan semula pengeluaran wang daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) sejumlah RM1.69 juta. Kedudukan Akaun Amanah Dana Khas bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29

Kedudukan Akaun Amanah Dana Khas Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Perkara	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	242.01	209.27	109.51	70.95	57.87
Penerimaan	249.20	6.09	0.04	4.65	4.19
Pembayaran	281.94	105.85	38.60	17.73	14.37
Defisit	-32.74	-99.76	-38.56	-13.08	-10.18
Baki Pada 31 Disember	209.27	109.51	70.95	57.87	47.69

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Analisis Audit menunjukkan Akaun Amanah ini mencatatkan defisit pada tahun 2013 sejumlah RM10.18 juta berbanding defisit sejumlah RM13.08 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, penerimaan sejumlah RM4.19 juta adalah lebih rendah berbanding perbelanjaan sejumlah RM14.37 juta. Ini menjadikan baki terkumpul Akaun Amanah Dana Khas pada akhir tahun 2013 berjumlah RM47.69 juta berbanding RM57.87 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, sejumlah RM0.70 juta telah disalurkan kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu antaranya bagi membiayai pembukaan 64 buah taska baru, projek ekonomi individu, memperlengkapkan

kemudahan peralatan dalam taska sedia ada, kursus pembimbing ibu tunggal, projek ekonomi individu dan projek ekonomi berkelompok. Selain itu, pemberian peruntukan sejumlah RM9.48 juta telah disalurkan kepada 8 Pusat Tanggungjawab bagi tujuan program kecemerlangan pendidikan, kesihatan, pembangunan usahawan, projek pertanian dan pembangunan serta jurnal pelarasan sejumlah RM4.19 juta bagi tambahan peruntukan kepada tabung sosial perubatan dan pelarasan pengeluaran semula wang daripada LTAWNT.

4.6.5. Akaun Wang Deposit

4.6.5.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Pada akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri mempunyai 2 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 26 Jabatan/Pejabat melalui 66 akaun deposit yang berjumlah RM304.64 juta. Baki akaun deposit pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM72.81 juta (19.3%) berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM377.45 juta. Kedudukan Deposit pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30

Kedudukan Deposit Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Jabatan/pejabat	Bil. Akaun Deposit	Tahun		Perubahan	
			2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	4	193.82	123.26	-70.56	-36.4
2.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	1	51.75	51.97	0.22	0.4
3.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	5	48.98	49.13	0.15	0.3
4.	Jabatan Kerja Raya	2	32.60	20.06	-12.54	-38.5
5.	Jabatan Perhutanan	2	14.53	17.69	3.16	21.7
6.	Pejabat Tanah Kemaman	4	8.07	12.76	4.69	58.1
7.	Pejabat Tanah Marang	4	5.48	5.72	0.24	4.4
8.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	4.60	5.50	0.90	19.6
9.	Pejabat Tanah Dungun	4	4.66	4.61	-0.05	-1.1
10.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	4	3.60	3.33	-0.27	-7.5
11.	Pejabat Tanah Setiu	3	3.03	3.00	-0.03	-1.0
12.	Jabatan Bekalan Air	2	2.49	2.51	0.02	0.8
13.	Pejabat Tanah Besut	4	0.62	1.47	0.85	137.1
14.	Jabatan-Jabatan Lain (13 Jabatan)	25	3.22	3.63	0.41	12.7
Jumlah		66	377.45	304.64	-72.81	-19.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.5.2. Pada tahun 2013, baki Akaun Deposit bagi 16 Jabatan/Pejabat telah mencatatkan peningkatan manakala 10 Jabatan/Pejabat telah mencatatkan penurunan berbanding tahun 2012. Pejabat Tanah Kuala Terengganu mempunyai deposit paling tinggi iaitu berjumlah RM123.26 juta pada akhir tahun 2013 diikuti dengan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian sejumlah RM51.97 juta dan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri sejumlah RM49.13 juta. Antara deposit yang diterima oleh Pejabat Tanah Kuala Terengganu adalah dari Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Tenaga Nasional Berhad

masing-masing sejumlah RM92.65 juta, RM3.68 juta dan RM0.46 juta bagi deposit pengambilan balik tanah.

4.6.5.3. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas 3 bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Analisis Audit mendapati sejumlah RM247.27 juta deposit masih tidak dituntut melibatkan pendeposit bagi tahun 1967 hingga 2011 seperti di **Jadual 4.31**. Deposit yang boleh dikembalikan tetapi masih tidak dituntut hendaklah diambil tindakan pewartaan.

Jadual 4.31
Deposit Tidak Dituntut Bagi Tahun 1967 Hingga 2011

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Akaun Deposit	Tahun Tidak Dituntut	Jumlah Deposit (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4	1983-2011	34.76
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2	1992-2011	0.23
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama	2	2007-2011	0.01
4.	Jabatan Kerja Raya	2	1967-2011	11.67
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	1985-2011	2.25
6.	Pejabat Daerah Besut	2	2006-2011	0.04
7.	Pejabat Daerah Dungun	2	1998-2011	0.07
8.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2	2007-2011	0.02
9.	Pejabat Daerah Kemaman	3	1973-2011	0.40
10.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	2	1993-2011	0.28
11.	Pejabat Daerah Marang	2	2009-2011	0.04
12.	Pejabat Daerah Setiu	2	2007-2011	0.04
13.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	1	1999-2011	51.60
14.	Pejabat Tanah Besut	4	1988-2011	0.35
15.	Pejabat Tanah Dungun	4	1990-2011	4.42
16.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	4	1973-2011	2.85
17.	Pejabat Tanah Kemaman	4	1975-2011	5.81
18.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	4	1987-2011	113.53
19.	Pejabat Tanah Marang	4	1991-2011	5.13
20.	Pejabat Tanah Setiu	3	1992-2011	2.48
21.	Jabatan Kehakiman Syariah	1	1992-2011	0.30
22.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	1990-2011	9.84
23.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1	1976-2009	0.05
24.	Jabatan Bekalan Air	1	1999-2011	1.10
Jumlah				247.27

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.6.5.4. Pada tahun 2013, Pejabat Tanah Kuala Terengganu telah membuat pewartaan deposit sejumlah RM0.05 juta. Deposit ini telah diwartakan pada 18 Julai 2013 melibatkan 25 pendeposit bagi tahun 1985 dan 1986 serta telah dikreditkan ke dalam hasil negeri pada 12 Disember 2013.

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Hasil terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Manakala perbelanjaan mengurus terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan lain. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34

Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	2,688.46	2,878.76	190.30	7.1
(-) Belanja Mengurus	1,454.88	1,412.53	-42.35	-2.9
(-) Belanja Pembangunan	1,009.55	915.73	-93.82	-9.3
Lebihan Keseluruhan	224.03	550.50	326.47	145.7
Dibiayai Untuk:				
Pinjaman	-42.14	-45.40	-3.26	-7.7
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	11.19	23.22	12.03	107.5
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	-193.08	-528.32	-335.24	-173.6
Jumlah Pembiayaan	-224.03	-550.50	-326.47	-145.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7.2. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri mencatatkan lebih keseluruhan berjumlah RM550.50 juta berbanding RM224.03 juta pada tahun 2012. Lebihan ini disebabkan oleh peningkatan hasil sejumlah RM190.30 juta serta penurunan keseluruhan jumlah perbelanjaan (mengurus dan pembangunan) yang berjumlah RM136.17 juta.

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan Negeri iaitu pinjaman boleh dituntut dan pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan. Manakala Memorandum Liabiliti menunjukkan liabiliti Kerajaan Negeri iaitu hutang awam.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri (Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan) dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2013, baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan

tunggakan faedah) adalah berjumlah RM334.32 juta berbanding RM361.66 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sejumlah RM27.34 juta. Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

Jadual 4.35
Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut
Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Agensi	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	339.39	322.61	-16.79	-4.9
Pihak Berkuasa Tempatan	22.27	11.71	-10.55	-47.4
Jumlah	361.66	334.32	-27.34	-7.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.2. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Pinjaman Boleh Dituntut sejumlah RM27.34 juta adalah disebabkan bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh Agensi Negeri berjumlah RM27.87 juta dan pertambahan faedah tertunggak sejumlah RM0.53 juta. Selain itu, tiada pinjaman baru dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri pada tahun 2013. Pergerakan pinjaman pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.36
Pergerakan Pinjaman Pada Tahun 2013

Badan Berkanun Negeri								
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	209.38	67.51	0.53	3.78	1.23	205.60	66.81
2.	Yayasan Islam Terengganu	46.47	11.04	0.00	7.33	2.48	39.14	8.56
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	5.00	0.00	0.00	2.50	0.00	2.50	0.00
Jumlah		260.85	78.55	0.53	13.61	3.71	247.24	75.37
Pihak Berkuasa Tempatan								
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	21.08	1.19	0.00	9.61	0.94	11.46	0.25
Jumlah		21.08	1.19	0.00	9.61	0.94	11.46	0.25
Jumlah Keseluruhan		281.93	79.74	0.53	23.22	4.65	258.70	75.62

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.8.1.3. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, kesemua 4 Agensi Negeri yang mempunyai pinjaman dengan Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pokok dan faedah masing-masing sejumlah RM23.22 juta dan RM4.65 juta. Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan tunggakan faedah) bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.37** dan **Carta 4.8**.

Jadual 4.37

Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Keputusan Bilik Pengerusi Dewan Bandaraya Kuala Terengganu 2009 Hingga 2013						
Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	311.68	280.49	282.23	276.88	272.41
2.	Yayasan Islam Terengganu	58.51	57.51	57.51	57.51	47.70
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	12.50	10.00	10.00	5.00	2.50
Jumlah		382.69	348.00	349.74	339.39	322.61
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	27.37	22.27	22.27	22.27	11.71
Jumlah		27.37	22.27	22.27	22.27	11.71
Jumlah Keseluruhan		410.06	370.27	372.01	361.66	334.32

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.4. Analisis Audit mendapati baki Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan trend turun naik bagi tempoh 2009 hingga 2013. Baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri pada tahun 2009 berjumlah RM382.69 juta menurun kepada RM348.0 juta pada tahun 2010, tetapi meningkat kepada RM349.74 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, baki pinjaman menurun semula kepada RM339.39 juta pada tahun 2012 dan terus menurun kepada RM322.61 juta pada tahun 2013. Manakala baki pinjaman oleh Pihak Berkuasa Tempatan

menunjukkan penurunan dari RM27.37 juta pada tahun 2009 kepada RM11.71 juta pada tahun 2013.

4.8.1.5. Sebanyak 3 pinjaman berjumlah RM4.67 juta telah diselesaikan oleh 3 agensi iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada tahun 2013. Pinjaman tersebut adalah pinjaman bagi Projek Perkedaian Pekan Kemasik Peringkat I Kemaman, Tambahan Modal YIT Dalam Syarikat Pelangi Air Sdn. Bhd serta Kompleks Perniagaan Tanjung Kuala Terengganu.

4.8.1.6. Pada tahun 2013, bayaran balik pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM348.93 juta (anuiti tahun semasa sejumlah RM5.47 juta dan tunggakan bayaran balik awal tahun 2013 sejumlah RM343.46 juta). Bagaimanapun, bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah berjumlah RM27.87 juta (pokok dan faedah), iaitu hanya 8% daripada bayaran balik yang sepatutnya diterima. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM17.31 juta telah dijelaskan secara tunai manakala sejumlah RM10.56 juta diselesaikan secara pelarasan.

4.8.1.7. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

Pada akhir tahun 2013, Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut adalah berjumlah RM323.05 juta iaitu menurun sejumlah RM20.41 juta atau 5.9% berbanding RM343.46 juta pada tahun 2012. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.38**.

Jadual 4.38
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut
Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Agensi	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	322.17	311.83	-10.34	-3.2
Pihak Berkuasa Tempatan	21.29	11.22	-10.07	-47.3
Jumlah	343.46	323.05	-20.41	-5.9


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.8. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut (pokok dan faedah) bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.39** dan **Carta 4.9**.

Jadual 4.39**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	274.73	251.95	261.93	264.66	264.13
2.	Yayasan Islam Terengganu	57.79	57.51	57.51	57.51	47.70
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	0.00	0.00	2.50	0.00	0.00
Jumlah		332.52	309.46	321.94	322.17	311.83
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	24.93	20.32	20.81	21.29	11.22
Jumlah		24.93	20.32	20.81	21.29	11.22
Jumlah Keseluruhan		357.45	329.78	342.75	343.46	323.05

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.9**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.9. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan trend turun naik. Baki tunggakan bayaran balik pinjaman tahun 2011 dan 2012 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya (2010 dan 2011). Keadaan ini disebabkan oleh kegagalan Agensi Negeri menjelaskan bayaran balik mengikut jadual. Manakala baki tunggakan bayaran balik pinjaman mengalami penurunan pada tahun 2010 dan 2013 berbanding tahun sebelumnya.

4.8.1.10. Semakan bagaimanapun mendapati tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) pada akhir tahun 2013 adalah berbeza antara rekod Kerajaan Negeri dan surat pengesahan oleh PMINT. Tunggakan bayaran balik PMINT mengikut rekod Kerajaan Negeri adalah berjumlah

RM264.13 juta iaitu berbeza sejumlah RM198.87 juta berbanding RM65.26 juta mengikut surat pengesahan oleh PMINT. Perbezaan tersebut antaranya adalah disebabkan 14 pinjaman terlibat dalam pengambil alihan oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd (TISB) sejumlah RM194.48 juta, satu pinjaman yang tiada dalam rekod/akaun PMINT sejumlah RM2.14 juta dan 16 pinjaman sejumlah RM1.87 juta yang telah dijelaskan oleh PMINT tetapi tidak diambil kira dalam rekod Kerajaan Negeri.

4.8.1.11. Mengikut perjanjian pinjaman antara Kerajaan Negeri dan Agensi, bayaran balik pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 57 pinjaman yang sepatutnya telah selesai masih mempunyai baki belum selesai berjumlah RM305.14 juta (pokok dan faedah). Pinjaman ini adalah pinjaman yang diberi kepada PMINT, Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) yang mana sepatutnya diselesaikan seawal tahun 1993 dan selewatnya pada tahun 2012. Selain itu, sebanyak 27 pinjaman kepada PMINT dan MBKT berjumlah RM101.66 juta (pokok) yang dikeluarkan antara tahun 1977 hingga 1993 belum pernah dibuat bayaran balik. Faedah tertunggak bagi 27 pinjaman ini adalah berjumlah RM26.41 juta menjadikan baki pinjaman yang perlu dijelaskan berjumlah RM128.07 juta.

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan tetapi ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2013, Pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM60.07 juta iaitu tidak berubah sejak tahun 2010. Pelaburan ini merupakan pelaburan saham tak tersiar harga dalam Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. berjumlah RM59.57 juta dan MBI Capital Sdn. Bhd. berjumlah RM0.50 juta.


4.8.2.2. Kedudukan pelaburan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

Jadual 4.40
Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.	35.00	59.57	59.57	59.57	59.57
MBI Capital Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Jumlah	35.50	60.07	60.07	60.07	60.07

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.3. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima dividen daripada Terengganu Incorporated Sdn. Bhd berjumlah RM4.57 juta. Kedudukan pelaburan dan pulangan dividen Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.10**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa ada menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunannya. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan tunggakan faedah) pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.41**.

Jadual 4.41
Kedudukan Hutang Awam Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	722.19	743.18	20.99	2.9
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	126.78	105.05	-21.73	-17.1
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	58.20	37.36	-20.84	-35.8
4.	Ladang Awam	85.96	77.36	-8.60	-10.0
5.	Pelaburan	28.93	26.38	-2.55	-8.8
6.	Pembangunan Hutan	1.61	0.83	-0.78	-48.4
Jumlah		1,023.67	990.16	-33.51	-3.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.2. Analisis Audit menunjukkan pada tahun 2013, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM33.51 juta (3.3%) menjadi RM990.16 juta berbanding RM1.02 bilion pada tahun 2012. Penurunan ini adalah disebabkan jumlah bayaran balik hutang iaitu sejumlah RM60.80 juta (pokok dan faedah) adalah lebih besar berbanding jumlah pinjaman yang diterima dalam tahun 2013 yang berjumlah RM22.93 juta. Pinjaman baru yang diterima pada tahun 2013 berjumlah

RM22.93 juta adalah bagi membiayai projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil Negeri. Manakala bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM60.80 juta adalah bagi menjelaskan pinjaman antaranya bagi Perumahan Awam Kos Rendah, Pembangunan Kawasan Perindustrian dan Ladang Awam.


4.8.3.3. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan tunggakan faedah) bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.42** dan **Carta 4.11**.

Jadual 4.42

Kedudukan Hutang Awam Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	657.71	702.88	708.39	722.19	743.18
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	172.58	166.62	150.95	126.78	105.05
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	92.66	91.49	78.30	58.20	37.36
4.	Ladang Awam	91.65	89.67	92.11	85.96	77.36
5.	Pelaburan	52.69	45.06	32.40	28.93	26.38
6.	Pembangunan Hutan	6.11	3.78	0.85	1.61	0.83
7.	Program Menangani Masalah Y2K	1.16	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		1,074.56	1,099.50	1,063.00	1,023.67	990.16

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.4. Analisis Audit menunjukkan baki Hutang Awam meningkat daripada RM1.07 billion pada tahun 2009 kepada RM1.10 billion pada tahun 2010. Bagaimanapun pada tahun 2011, baki Hutang Awam menunjukkan trend menurun kepada RM1.06 bilion dan terus menurun menjadi RM990.16 juta pada tahun 2013. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik sejumlah RM282.38 juta (pokok dan faedah) sepanjang tempoh 2009 hingga 2013 berbanding RM143.58 juta pinjaman yang diterima sepanjang tempoh tersebut.

4.8.3.5. Pada tahun 2013, sebanyak 2 pinjaman di bawah tujuan pinjaman Kawasan Perindustrian berjumlah RM42.21 juta telah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Pinjaman tersebut adalah pinjaman bagi Kawasan Perindustrian Batu 7, Dungun dan Kawasan Perindustrian Teluk Kalong Fasa II, Kemaman.

4.8.3.6. Semakan terhadap baki hutang Kerajaan Negeri (pokok dan tunggakan faedah) mendapati baki hutang bagi projek Pemulihan & Naik Taraf Sistem Bekalan Air (nombor akaun 97631) yang dijadualkan semula di bawah tujuan pinjaman bekalan air dan projek Ladang Hutan Kompensatori Fasa II ADB (nombor akaun 99708) di bawah tujuan pinjaman pembangunan hutan adalah berbeza antara rekod Kerajaan Negeri dan surat pengesahan oleh Jabatan Akauntan Negara seperti di **Jadual 4.43**.

Jadual 4.43

Perbezaan Baki Antara Rekod Kerajaan Negeri Dan Jabatan Akauntan Negara

Bil.	Butiran Pinjaman	Nombor Akaun Pinjaman	Baki Pinjaman (Pokok Dan Tunggakan Faedah) Sehingga 31.12.2013		Perbezaan (RM Juta)
			Rekod Kerajaan Negeri (RM Juta)	Rekod Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	
1.	Bekalan Air	97631	18.50	17.61	0.89
2.	Pembangunan Hutan	99708	-0.01	1.27	1.28
Jumlah					2.17

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Surat Pengesahan Jabatan Akauntan Negara

4.8.3.7. Perbezaan sejumlah RM2.17 juta ini adalah disebabkan pelarasan tukaran mata wang asing yang tidak diambil kira dalam perkiraan baki hutang Kerajaan Negeri. Selain itu, tunggakan pokok bagi pinjaman pembangunan hutan yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan adalah berjumlah RM1.15 juta iaitu melebihi baki pokok pada 31 Disember 2013 yang berjumlah RM0.80 juta.

4.8.3.8. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.44**.

Jadual 4.44

Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	211.99	212.28	238.41	273.20	303.48
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	43.24	43.60	34.57	17.13	2.45
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	81.72	81.59	69.46	50.48	30.81
4.	Ladang Awam	73.20	77.36	85.96	85.96	77.36
5.	Pelaburan	42.05	35.49	23.88	21.48	20.00
6.	Pembangunan Hutan	2.32	2.61	0.29	1.51	1.17
7.	Program Menangani Masalah Y2K	1.16	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		455.68	452.93	452.57	449.76	435.27

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.9. Analisis Audit menunjukkan baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam menunjukkan trend menurun daripada RM455.68 juta pada tahun 2009 kepada RM435.27 juta pada tahun 2013. Baki tunggakan hutang awam telah menurun sejumlah RM14.49 juta (3.2%) kepada RM435.27 juta pada tahun 2013 berbanding RM449.76 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, tunggakan bayaran balik bagi pinjaman bekalan air meningkat setiap tahun dari tahun 2009 hingga tahun 2013. Ini disebabkan oleh bayaran balik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sepanjang tempoh tersebut hanyalah berjumlah RM71.22 juta berbanding bayaran balik yang sepatutnya dibuat berjumlah RM374.70 juta. Ini menjadikan baki tunggakan bayaran balik pada akhir tahun 2013 berjumlah RM303.48 juta.

4.8.3.10. Mengikut perjanjian pinjaman antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati 5 pinjaman di bawah tujuan pinjaman Ladang Awam, Pelaburan, Bekalan Air dan Pembangunan Kawasan Perindustrian yang sepatutnya telah selesai masih mempunyai baki belum selesai berjumlah RM152.70 juta terdiri daripada pokok sejumlah RM129.82 juta dan tunggakan faedah sejumlah RM22.88 juta. Selain itu, sebanyak 31 pinjaman berjumlah RM222.77 juta yang dikeluarkan antara tahun 1999 hingga 2013 belum pernah dibuat bayaran balik oleh Kerajaan Negeri. Manakala faedah tertunggak bagi 31 pinjaman ini adalah berjumlah RM8.63 juta menjadikan baki pinjaman yang perlu dijelaskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM231.40 juta.

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

4.9.1. Akaun Belum Terima

4.9.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri pada suatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan faedah bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut, hasil cukai dan lain-lain hasil. Kedudukan ABT pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.45**.

Jadual 4.45**Kedudukan Akaun Belum Terima Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Faedah Pinjaman	79.74	75.62	-4.12	-5.2
Cukai Tanah	9.63	11.31	1.68	17.4
Lain-lain Cukai	0.36	1.97	1.61	447.2
Jumlah	89.73	88.90	-0.83	-0.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.2. Analisis Audit mendapati pada akhir tahun 2013, jumlah ABT Kerajaan Negeri menurun sedikit sejumlah RM0.83 juta (0.9%) menjadi RM88.90 juta berbanding RM89.73 juta pada tahun 2012. Ini disebabkan oleh penurunan faedah pinjaman sejumlah RM4.12 juta melebihi peningkatan cukai tanah dan lain-lain cukai yang hanya berjumlah RM3.29 juta.

4.9.1.3. Kedudukan ABT bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.46**.

Jadual 4.46**Kedudukan Akaun Belum Terima Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Faedah Pinjaman	82.05	76.39	78.91	79.74	75.62
Cukai Tanah	9.84	11.83	10.13	9.63	11.31
Lain-lain Cukai	0.18	0.34	0.27	0.36	1.97
Jumlah	92.07	88.56	89.31	89.73	88.90

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.4. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah ABT menunjukkan trend turun naik dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Faedah Pinjaman Boleh Dituntut merupakan 85.1% daripada jumlah keseluruhan ABT pada tahun 2013. Manakala Cukai Tanah mencatatkan peningkatan sejumlah RM1.68 juta (17.4%) iaitu daripada RM9.63 juta pada tahun 2012 kepada RM11.31 juta pada tahun 2013. Kedudukan tunggakan Cukai Tanah mengikut Pejabat Tanah pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.47**.

Jadual 4.47**Kedudukan Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Pejabat Tanah Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Pejabat	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2.37	2.53	0.16	6.8
2.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	1.77	2.10	0.33	18.6
3.	Pejabat Tanah Kemaman	1.26	1.95	0.69	54.8
4.	Pejabat Tanah Besut	1.36	1.63	0.27	19.9
5.	Pejabat Tanah Marang	1.14	1.23	0.09	7.9
6.	Pejabat Tanah Dungun	0.95	1.02	0.07	7.4
7.	Pejabat Tanah Setiu	0.78	0.85	0.07	9.0
	Jumlah	9.63	11.31	1.68	17.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.5. Analisis Audit mendapati kesemua Pejabat Tanah mencatatkan peningkatan tunggakan cukai tanah berbanding tahun sebelum. Pejabat Tanah Kemaman mencatatkan peningkatan tunggakan cukai tanah tertinggi iaitu sejumlah RM0.69 juta (54.8%) menjadi RM1.95 juta berbanding RM1.26 juta pada tahun 2012.


4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah baik dan kedudukan kewangan ini adalah lebih baik berbanding prestasi kewangan pada tahun 2012. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mencatatkan baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM759.96 juta iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM380.66 juta (100.4%) berbanding baki sejumlah RM379.30 juta pada tahun 2012. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan Kerajaan Negeri mencatatkan surplus yang tinggi iaitu sejumlah RM401.57 juta berbanding surplus RM293.42 juta pada tahun 2012. Surplus ini menjadikan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat kepada surplus RM461.50 juta berbanding surplus RM59.93 juta pada tahun 2012. Baki Pinjaman Boleh Dituntut telah menurun sejumlah RM27.34 juta atau 7.6%. Prestasi pembayaran balik Hutang Awam pada tahun 2013 adalah baik kerana jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM33.51 juta manakala baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam juga menurun sejumlah RM14.49 juta. Kumpulan Wang Pembangunan pula mencatatkan peningkatan surplus semasa sejumlah RM227.27 juta atau 227.7% pada tahun 2013.

4.10.2. Kerajaan Negeri hendaklah terus merancang perbelanjaan dengan lebih cekap dan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan Negeri tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Selain itu, tindakan berterusan perlu diambil untuk mengutip tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Jabatan dan Agensi Negeri yang berkenaan.

BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Terengganu untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011 hingga 2015. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Terengganu. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Terengganu mencapai status negeri maju menjelang tahun 2020.

5.2. Bagi menjayakan RMKe-10, siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM20.39 bilion dan telah diagihkan kepada 16 Jabatan/Pejabat. Jabatan/Pejabat yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM15.19 bilion atau 74.5%.

5.2.1. Secara keseluruhannya sejumlah RM3.74 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada 16 Jabatan bagi melaksanakan sebanyak 2,160 projek bagi tempoh 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Dan Bilangan Projek RMKe-10
Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan (RM Juta)	Projek (Bilangan)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	3,112.80	814
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	30.00	22
3.	Jabatan Kerja Raya	62.32	51
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	58.10	275
5.	Pejabat Daerah Besut	6.00	97
6.	Pejabat Daerah Dungun	6.00	37
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	6.00	117
8.	Pejabat Daerah Kemaman	6.00	63
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	18.83	366
10.	Pejabat Daerah Marang	6.00	73
11.	Pejabat Daerah Setiu	6.00	77
12.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	168.00	3
13.	Jabatan Perhutanan	5.80	37
14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8.27	26
15.	Jabatan Pertanian	7.20	30
16.	Jabatan Bekalan Air	234.78	72
Jumlah		3,742.10	2,160

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Jabatan Negeri

5.2.2. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2013

Pada tahun 2013, peruntukan yang diluluskan kepada 16 Jabatan/Pejabat adalah berjumlah RM1.24 bilion. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM945.62 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek pembangunan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2

Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan RMKe-10 Yang Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2013 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,047.70	836.77	79.9
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	10.00	2.52	25.2
3.	Jabatan Kerja Raya	20.40	19.40	95.1
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	13.60	12.04	88.5
5.	Pejabat Daerah Besut	2.00	1.92	96.0
6.	Pejabat Daerah Dungun	2.00	1.85	92.5
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2.00	1.99	99.5
8.	Pejabat Daerah Kemaman	2.00	1.97	98.5
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	6.00	5.81	96.8
10.	Pejabat Daerah Marang	2.00	1.90	95.0
11.	Pejabat Daerah Setiu	2.00	2.00	100.0
12.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	40.00	21.15	52.9
13.	Jabatan Perhutanan	1.65	1.46	88.5
14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.10	2.63	84.8
15.	Jabatan Pertanian	2.33	2.32	99.6
16.	Jabatan Bekalan Air	82.45	29.89	36.3
Jumlah		1,239.23	945.62	76.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


5.2.3. Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2013

5.2.3.1. Pada tahun 2013, sebanyak 959 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 16 Jabatan/Pejabat. Pada keseluruhannya, sebanyak 747 projek atau 77.9% daripada 959 projek yang diluluskan telah siap dilaksanakan, 177 projek (18.5%) dalam pelaksanaan dan 35 projek (3.6%) masih belum dimulakan. Status pencapaian pelaksanaan projek RMKe-10 pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.3**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Pada Tahun 2013**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Jumlah	Belum Mula	Sedang Dilaksanakan	Siap
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	451	27	153	271
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	6	0	0	6
3.	Jabatan Kerja Raya	17	1	4	12
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	99	3	3	93
5.	Pejabat Daerah Besut	34	0	0	34
6.	Pejabat Daerah Dungun	11	0	0	11
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	46	0	0	46
8.	Pejabat Daerah Kemaman	34	0	0	34
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	152	0	0	152
10.	Pejabat Daerah Marang	22	0	1	21
11.	Pejabat Daerah Setiu	25	0	0	25
12.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	1	0	1	0
13.	Jabatan Perhutanan	9	0	0	9
14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8	0	0	8
15.	Jabatan Pertanian Negeri	8	0	0	8
16.	Jabatan Bekalan Air	36	4	15	17
Jumlah		959	35	177	747

Sumber: Jabatan Negeri

Carta 5.1**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Pada Tahun 2013**

Sumber: Jabatan Negeri

5.2.3.2. Berdasarkan **Jadual 5.3** di atas, sebanyak 10 Jabatan/Pejabat telah berjaya menyiapkan semua projek yang dirancang pada tahun 2013. Antara projek tersebut adalah pembinaan makmal dadah (ATS) di Hospital Sultanah Nur Zahirah, projek sistem saliran Seberang Pintasan, Dungun, pembinaan dan penyiapan jalan masuk utama ke Bandar Baru Kijal, Kemaman serta projek membenteng Sungai Kemaman. Manakala 177 projek yang masih dalam pelaksanaan antaranya adalah pembinaan istana baru di Bukit Chendering, pembangunan kawasan bebas cukai Tasik Kenyir dan *Double Road Frontage* (Fasa 2), di Taman Shahbandar. Sebanyak 35 projek masih belum dimulakan dan 5 projek terbesar yang belum dimulakan pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4**Senarai 5 Projek Terbesar Yang Belum Dimulakan Pada Tahun 2013**

Bil.	Nama Projek	Peruntukan Tahun 2013 (RM Juta)	Sebab Belum Mula
1.	Cadangan Pembangunan Pasar Cabang Tiga Dan Kerja-Kerja Berkaitan	9.00	Tidak mendapat kelulusan kewangan untuk belanja.
2.	Sistem Saliran Sungai Buaya Dan Sungai Seluang, Marang	6.00	Masih dalam peringkat rundingan harga.
3.	Kompleks Majlis Perbandaran Dungun	3.19	Keputusan Majlis Jawatankuasa Perancang Ekonomi Negeri (MJPEN) untuk menyerahkan projek Majlis Perbandaran Dungun kepada pihak SEDC.
4.	Pembinaan Asrama Atlet Majlis Sukan Negeri	4.00	Masih dalam peringkat <i>design</i> .
5.	Lampu Limpah di Trek Latihan Olahraga Kompleks Stadium	1.90	Dalam proses lantikan kontraktor.


Sumber: Jabatan Negeri

5.3. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-10 pada tahun 2013 adalah sederhana baik. Sehingga 31 Disember 2013, perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM945.62 juta atau 76.3% daripada RM1.24 bilion peruntukan yang diluluskan. Manakala sebanyak 747 projek atau 77.9% daripada 959 projek yang dirancang berjaya disiapkan, 177 projek dalam pelaksanaan dan 35 projek masih belum dimulakan.

BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri



6. LATAR BELAKANG

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada dalam pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

7.1. Pada tahun 2013, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1

Usaha Penambahbaikan/Pembaharuan Yang Telah Diambil Oleh Jabatan/Agensi Negeri

Bil.	Agensi	Penambahbaikan/Pembaharuan
1.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	i. Memperkenalkan sistem nombor giliran (<i>queue management system</i>) untuk memudahkan pelanggan berurusan secara sistematik dan teratur di Kaunter Bersepadu. ii. Memperkenalkan sistem e-permit bagi mempercepatkan lagi proses permohonan permit pengalihan tanah merah, pasir dan rumput serta bahan batuan yang lain.
2.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Terengganu	i. Menaiktaraf Aplikasi Sistem Perakaunan Hasil Negeri Terengganu yang bertujuan membantu pungutan cukai tanah, menyelenggara maklumat hasil, menyediakan kutipan luar, mewujudkan nombor akaun dan pertanyaan cukai tanah berasaskan <i>website</i> serta penyeragaman data SOLAR ke <i>website</i> . ii. Membuat penguatkuasaan ke atas lombong bijih besi di Daerah Kemaman dan Dungun secara berterusan serta menaikkan cukai ke atas gred bijih besi yang diusahakan oleh pengusaha lombong.

Bil.	Agensi	Penambahbaikan/Pembaharuan
3.	Majlis Daerah Setiu	i. Memperkenalkan Sistem Pengurusan Bekalan Pejabat bagi merekodkan bekalan pejabat. Antara kelebihan sistem ini adalah: - boleh mengesan kuantiti item. - memudahkan untuk membuat anggaran belanjawan. - memantau penggunaan bekalan pejabat termasuk penggunaan bagi seseorang kakitangan. - mampu membuat penilaian prestasi pembekal. - mengenalpasti item yang benar-benar diperlukan dalam melaksanakan kerja-kerja seharian.
4.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	i. Memperkenalkan 'Sistem Online' e-kewangan bagi pengurusan kewangan yang melibatkan permohonan berikut: - pengecualian kontrak pusat - pengecualian sebutharga/tender terpilih - pelantikan perunding - pindah peruntukan - tambah peruntukan - permohonan AP58(a) dan AP58(b) - permohonan caruman - permohonan pakaian panas - permohonan telefon bimbit - permohonan pendahuluan diri - permohonan elaun lebih masa melebihi sebulan gaji - kelulusan potongan gaji - kelulusan talian telefon/telefon bimbit - permohonan tukar milik/kemasukan baru RAKR PMINT - permohonan bayaran balik hasil
5.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	i. ISO 9001:2008 ii. Sistem Penarafan Bintang Pejabat Tanah iii. 5S (EKSA) iv. Penaiktarafan Public Key Infrastructure (PKI) kepada Digital Token (2048-BIT) v. Pembukaan Kaunter Hasil pada hari Sabtu vi. Kursus Kewangan Dalamn vii. Lawatan bermaklumat ke Pejabat-pejabat Tanah
6.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Sistem Bayaran secara internet-banking bagi memudahkan pelanggan PMINT membuat bayaran seperti bayaran sewa oleh penyewa premis komersial dan perumahan awam kos rendah PMINT.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti** sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata

Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89.9	Baik	
50 – 69.9	Memuaskan	
49.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- 8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2013, pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dijalankan di 16 Jabatan/Agensi Negeri meliputi 12 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Jabatan/Agensi yang dijalankan pengauditan berdasarkan pusingan ialah Pejabat Tanah Besut, Pejabat Tanah Hulu Terengganu, Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah Kemaman, Jabatan Perhutanan Negeri, Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Pejabat Daerah Hulu Terengganu,

Pejabat Tanah Marang dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Daerah Setiu. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2013 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2012, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 11 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; dan Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.

- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah

ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam mengemukakan Rancangan Tahunan Audit dan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari dan 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan dan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet tahun 2013 oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2012. **Selain itu, AP 29 hingga AP 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan.** Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2013 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan di AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan

Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a.** Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b.** Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- c.** Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d.** Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset Dan Stor

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaraskan penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkecualan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 orang pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Penyata Kewangan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di

Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan


Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah bertambah baik berbanding dengan tahun 2012. Pada tahun 2013, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 12 Jabatan dan 4 Agensi Negeri mendapati sebanyak 9 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap sangat baik iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Pejabat Daerah Kemaman, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu, Pejabat Tanah Besut, Majlis Daerah Setiu, Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah Marang. Manakala 7 Jabatan/Agensi Negeri lagi adalah pada tahap baik iaitu Pejabat Tanah Hulu Terengganu, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan Negeri, Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu seperti di **Carta 8.1**. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2008 hingga 2013 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2008 Hingga 2013

Tahap Penarafan	Bilangan Jabatan/Agensi Negeri					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	0	2	2	4	6	9
Baik	9	11	16	13	8	7
Memuaskan	4	0	0	0	0	0
Tidak Memuaskan	0	0	0	0	0	0
Jumlah	13	13	18	17	14	16

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.1
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara


8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Jabatan Negeri

Analisis Audit mengenai tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan di 11 Jabatan (tidak termasuk Pejabat Perbendaharaan Negeri) yang telah dibuat pengauditan mendapati 3 Jabatan mencapai penarafan sangat baik, enam 6 Jabatan mencapai penarafan baik manakala 1 Jabatan mencapai penarafan memuaskan dan 1 jabatan mencapai tahap tidak memuaskan bagi Kawalan Pengurusan. Sepuluh Jabatan mencapai tahap penarafan sangat baik dan satu Jabatan memperoleh tahap baik bagi Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Terimaan pula, 9 Jabatan mencapai penarafan sangat baik dan 2 pada tahap baik. Bagi Kawalan Perbelanjaan, sebanyak 6 Jabatan mencapai tahap sangat baik dan 5 Jabatan pada tahap baik. Lapan Jabatan telah memperoleh tahap sangat baik dan masing-masing 1 jabatan memperoleh tahap baik, memuaskan dan tidak memuaskan dalam menguruskan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, 2 Jabatan mencapai tahap sangat baik, 6 Jabatan memperoleh tahap baik dan 3 Jabatan berada di tahap memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.2**.

Carta 8.2

Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Jabatan Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.5.2.2. Kelemahan-kelemahan yang ditemui khususnya bagi elemen-elemen yang mendapat penarafan tidak memuaskan.

a. Kawalan Pengurusan

- i. Senarai keahlian dan minit-minit berkaitan JPKA tidak dikemukakan.
- ii. Carta keseluruhan Jabatan tidak kemas kini.
- iii. Manual Prosedur Kerja tidak dikemukakan untuk pengauditan.

b. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit


- i. Penyata Terimaan dan Bayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 lewat dikemukakan.
- ii. Dalam proses menyelenggarakan Buku Akaun Utama Deposit.

8.5.2.3. Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri

Tahap pencapaian pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi Negeri pada tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.3** dan dirumuskan berikut:

- a. Tahap prestasi Kawalan Pengurusan telah mencapai tahap sangat baik bagi 3 Agensi termasuk Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 2 Agensi Negeri pada tahap baik.
- b. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi mendapat tahap sangat baik dalam Kawalan Bajet.

- c. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 3 Agensi mendapat tahap sangat baik dan 1 Agensi pada tahap baik bagi Kawalan Terimaan.
- d. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi mendapat memperoleh penarafan sangat baik bagi Kawalan Perbelanjaan.
- e. Tahap prestasi Pengurusan Amanah dan Deposit telah mencapai tahap sangat baik bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 2 Agensi manakala 2 Agensi mendapat tahap baik.
- f. Pengurusan Aset Dan Stor bagi 2 Agensi mendapat tahap sangat baik manakala Pejabat Perbendaharaan Negeri serta dua Agensi mendapat tahap baik.
- g. Tahap prestasi Pengurusan Pelaburan telah mencapai tahap sangat baik bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi yang terlibat.
- h. Dua Agensi telah mencapai tahap sangat baik dalam menguruskan pinjaman manakala Pejabat Perbendaharaan Negeri pula mencapai tahap baik. Dua Agensi lain tidak terlibat dalam pengurusan pinjaman.
- i. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 3 Agensi mendapat tahap sangat baik manakala 1 agensi mendapat tahap memuaskan dalam elemen Pengesahan Penyata Kewangan.




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 2 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pinjaman

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri


8.5.3.1. Kesemua 16 Jabatan/Agensi yang dilaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti pada tahun 2013 pernah dinilai oleh Jabatan Audit Negara sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tempoh tahun 2008 hingga 2013. Adalah didapati tahap prestasi pengurusan kewangan sangat baik telah diperoleh oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu untuk 5 tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2009 hingga 2013. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mencapai tahap sangat baik mulai tahun 2011 hingga 2013. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencapai tahap sangat baik pada tahun 2012 dan 2013. Lain-lain Jabatan/Agensi yang mendapat tahap sangat baik pada tahun 2013 adalah Pejabat Daerah Kemaman, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu, Pejabat Tanah Besut, Majlis Daerah Setiu dan Pejabat Tanah Marang. Bagi 7 Jabatan/Agensi yang lain walaupun tahap prestasi kekal di tahap baik namun terdapat peningkatan markah di dalam elemen kawalan yang berkaitan.

8.5.3.2. Pengurusan Aset Dan Stor di Jabatan/Agensi banyak mempengaruhi tahap penarafan dalam pengurusan kewangan. Oleh itu, penumpuan yang khusus mengenai pengurusan aset dan stor harus dititikberatkan oleh Jabatan/Agensi terlibat bagi mencapai tahap sangat baik dalam pengurusan kewangan. Kelemahan ketara berlaku dalam aspek peraturan penerimaan, urusan pendaftaran, penggunaan aset serta pemeriksaan aset dan stor/pengiraan stok/verifikasi stok. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang diaudit setiap tahun dan 10 Jabatan/Agensi yang lain bagi tempoh 2008 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 8.4** dan **Carta 8.5**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 8.5
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan 12 Jabatan/Agensi Negeri
Tahun 2013 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 16 Jabatan/Agensi Negeri dan mendapati beberapa perkara perlu diberikan perhatian seperti di **Jadual 8.3**. Empat Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Kerja Raya Daerah Kemaman, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Dungun didapati mematuhi peraturan dengan sepenuhnya, Ketua Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

Jadual 8.3.
Penemuan Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
1.	Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu	a. Wang Kutipan Hasil i. Jumlah kutipan tidak dibankkan dengan segera. b. Setem Pos / Mesin Franking i. Stok setem fizikal adalah tidak bersamaan dengan daftar setem. ii. Semua terimaan dan pengeluaran telah tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. c. Pemeriksaan Mengejut i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Dungun	a. Wang Kutipan Hasil i. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak ada di pameran. b. Panjar Wang Runcit i. Tiada surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit diperoleh. c. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
3.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman	a. Wang Kutipan Hasil i. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam peti besi. ii. Semua stok resit rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. b. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. c. Pemeriksaan Mengejut i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan.
4.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Terengganu	a. Wang Kutipan Hasil i. Daftar borang hasil tidak diselenggarakan. ii. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri resit adalah betul. iii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar.

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
5.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Dungun	a. Wang Kutipan Hasil i. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. b. Panjar Wang Runcit i. Tiada surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit diperoleh. c. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. d. Pemeriksaan Mengejut i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. e. Setem Pos / Mesin Franking i. Stok setem fizikal adalah tidak bersamaan dengan daftar setem. ii. Semua terimaan dan pengeluaran telah tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat.
6.	Jabatan Kerja Raya Daerah Besut	a. Wang Kutipan Hasil i. Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi terimaan melalui pos. ii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam Peti Besi. iii. Semua stok resit rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. b. Setem Pos / Mesin Franking i. Semua terimaan dan pengeluaran telah tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat.
7.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Besut	a. Wang Kutipan Hasil i. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam Peti Besi. ii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar. iii. Semua stok resit rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal. b. Panjar Wang Runcit i. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. c. Setem Pos / Mesin Franking i. Semua terimaan dan pengeluaran telah tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat.

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
		d. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. e. Pemeriksaan Mengejut i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan. f. Hal -hal Lain i. Baucar bayaran dan dokumen sokongan Panjar Wang Runcit tidak dicap telah dibayar.
8.	Pejabat Pungutan Zakat Daerah Dungun	a. Panjar Wang Runcit i. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. b. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
9.	Pejabat Pungutan Zakat Daerah Hulu Terengganu	a. Panjar Wang Runcit i. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. b. Wang Untuk Dibahagi – bahagikan i. Baki wang agihan tidak sama dengan baki senarai penerima. ii. Baki wang agihan tidak dibankkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh cek/EFT. iii. Bank draf/slip bayar masuk bank / penyata pemungut tidak diperolehi bagi membuktikan bahawa baki wang yang tidak dapat diagihkan telah dimasukkan semula ke dalam akaun. c. Barang-barang Berharga seperti Emas, Berlian, Perak, Harta Karun, barang Rampasan Dan Barang Kes / Exhibit / Artifak i. Daftar barang-barang berharga tidak diselenggarakan. d. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.

Bil.	Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
10.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kemaman	a. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. b. Wang Untuk Dibahagi – bahagikan i. Wang yang telah ditunaikan tidak bersamaan dengan baucer bayaran. c. Perwakilan Kuasa i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan. d. Pemeriksaan Mengejut i. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan.
11.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Besut	a. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan. b. Pemeriksaan Mengejut i. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan. c. Setem Pos / Mesin Franking i. Semua terimaan dan pengeluaran telah tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat.
12.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Hulu Terengganu	a. Peti Besi / Bilik Kebal i. Peti besi / bilik kebal tidak mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan.
13.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kemaman	i. Tiada penemuan dibangkitkan
14.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Terengganu	i. Tiada penemuan dibangkitkan
15.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Setiu	i. Tiada penemuan dibangkitkan
16.	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Dungun	i. Tiada penemuan dibangkitkan

Sumber: Jabatan Audit Negara

9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:


9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai-pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

9.2. Penglibatan/Penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam pengurusan kewangan. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

9.3. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

BAHAGIAN V

Penyerahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan yang dijalankan adalah untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri sama ada penyata kewangan tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

10.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Negeri Terengganu mempunyai 8 Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam dan 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) diaudit oleh Ketua Audit Negara. Manakala Penyata Kewangan bagi 8 BBN dan 7 PBT diaudit oleh Firma Audit Swasta selaras dengan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Pengauditan yang dijalankan oleh Firma Audit Swasta diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan. Selain itu, kertas kerja yang disediakan oleh Firma Audit Swasta juga disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara.

10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

10.2.1. Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2009 pada 20 April 2009 bersetuju supaya tarikh penyerahan penyata kewangan bagi BBN, Majlis Agama Islam dan PBT dikemukakan sebelum/pada 30 April setiap tahun. Semua Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat secara pentadbiran mengarahkan semua Agensi Kerajaan Negeri mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 April setiap tahun selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa.

10.2.2. Penyata kewangan tahun 2012 bagi semua BBN, MAIDAM dan PBT Negeri Terengganu telah dikemukakan untuk diaudit. Kesemua 16 penyata kewangan Agensi bagi tahun 2012 telah disahkan. Bagi penyata kewangan tahun 2013, setakat 30 Jun 2014, sebanyak 7 daripada 8 BBN, MAIDAM dan kesemua PBT telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Kedudukan penyerahan penyata kewangan sehingga 30 Jun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2013 Agensi Negeri Sehingga 30 Jun 2014**

Bil.	Agensi	Tarikh
Badan Berkanun Negeri		
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT)	30.03.2014
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT)	31.03.2014
3.	Yayasan Islam Terengganu (YIT)	09.04.2014
4.	Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSN)	04.05.2014
5.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	14.05.2014
6.	Yayasan Terengganu (YT)	18.05.2014
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPK)	18.05.2014
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)	Belum Diterima
Majlis Agama Islam		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	30.06.2014
Pihak Berkuasa Tempatan		
1.	Majlis Perbandaran Dungun (MPD)	03.03.2014
2.	Majlis Daerah Setiu (MDS)	03.03.2014
3.	Majlis Daerah Besut (MDB)	03.03.2014
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT)	05.03.2014
5.	Majlis Daerah Marang (MDM)	05.03.2014
6.	Majlis Perbandaran Kemaman (MPK)	07.04.2014
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)	15.04.2014

Sumber: Jabatan Audit Negara

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan penyata kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat Audit yang dikeluarkan terhadap penyata kewangan adalah dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran, Sijil Berteguran, Sijil Bertentangan atau Sijil Penafian. Penyata kewangan bagi tahun kewangan 2012 bagi 15 Agensi Negeri telah diberikan Sijil Tanpa Teguran dan satu Agensi telah diberi Sijil Berteguran. Sijil Berteguran diberikan kepada MBKT kerana projek telah siap tetapi masih diklasifikasikan sebagai kerja dalam pelaksanaan dan perbezaan baki kutipan hasil antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Kewangan. Penyata kewangan bagi tahun kewangan 2013 untuk 3 Agensi yang telah siap diaudit telah diberikan Sijil Tanpa Teguran.

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DIAUDIT

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Agensi Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 30 Jun 2014, semua penyata kewangan Agensi Negeri bagi tahun kewangan 2012 yang telah disahkan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu kecuali penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu yang tidak perlu dibentangkan mengikut peraturan penubuhannya.

10.5. PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI

Analisis prestasi kewangan BBN 2013 adalah berdasarkan 7 penyata kewangan tahun 2013 yang telah dikemukakan iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, Majlis Sukan Negeri Terengganu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan Yayasan Terengganu; dan satu draf penyata kewangan iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Analisis bagi tahun 2012 pula adalah berdasarkan kepada 8 penyata kewangan yang telah selesai diaudit.

10.5.1. Analisis Prestasi Kewangan BBN

10.5.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi BBN adalah memuaskan berbanding tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, lebih pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM315.08 juta atau 12.3% dan lebih jumlah aset meningkat sejumlah RM360.94 juta atau 10.5%. Manakala lebih pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM10.37 juta atau 3.1% berbanding tahun 2012. Selain itu, aset semasa bersih juga meningkat sejumlah RM264.01 juta atau 25.7% berbanding tahun 2012. Prestasi kewangan 8 BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebih Pendapatan Terkumpul	2,558.21	2,873.29	315.08	12.3
2.	Jumlah Aset	3,441.65	3,802.59	360.94	10.5
3.	Aset Semasa Bersih	1,026.25	1,290.26	264.01	25.7
4.	Lebih Pendapatan Semasa	334.65	324.28	-10.37	-3.1

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 mendapati 7 daripada 8 BBN telah mencatatkan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.45 juta hingga RM237.92 juta. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu telah mencatatkan lebih pendapatan paling tinggi iaitu RM237.92 juta hasil daripada peningkatan dalam terimaan wang amanah Projek Pembangunan Duyung, terimaan balik perbelanjaan tahun lepas serta sumbangan dan ganti rugi.

10.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 mendapati 7 daripada 8 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM2.15 juta hingga RM1,023.16 juta. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu mencatat aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM1,023.16 juta di mana aset semasa berjumlah RM1,045.26 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM22.10 juta. Sementara itu, Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu mengalami aset semasa bersih yang negatif sejumlah RM0.21 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013


Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	95.17	62.81	32.36	558.39	374.74	183.65
2.	Yayasan Terengganu	106.08	75.30	30.78	43.16	10.93	32.23
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	32.95	32.50	0.45	26.22	11.08	15.14
4.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	11.69	11.13	0.56	13.45	0.45	13.00
5.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	26.80	26.26	0.54	3.75	1.60	2.15
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	6.10	14.12	-8.02	1.09	1.30	-0.21
7.	Yayasan Islam Terengganu	108.95	79.26	29.69	160.31	139.17	21.14
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	244.91	6.99	237.92	1,045.26	22.10	1,023.16
Jumlah		632.65	308.37	324.28	1,851.63	561.37	1,290.26

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.2. Analisis Pendapatan BBN

10.5.2.1. Pada akhir tahun 2013, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh 8 BBN ialah sejumlah RM168.48 juta berbanding dengan RM179.28 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati 3 BBN mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri antara RM0.41 juta hingga RM24.73 juta. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu mengalami penurunan tertinggi iaitu berjumlah RM0.41 juta atau 50.6% berbanding tahun 2012. Manakala 5 BBN mengalami peningkatan pendapatan janaan sendiri bagi tahun 2013 terdiri daripada Lembaga Muzium Negeri Terengganu dengan peningkatan sejumlah RM0.24 juta atau 31.6%, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dengan peningkatan sejumlah RM0.52 juta atau 6.4%, Yayasan Islam Terengganu dengan peningkatan sejumlah RM2.66 juta atau 26.6%, Majlis Sukan Negeri Terengganu dengan peningkatan sejumlah RM0.15 juta atau 42.9% dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dengan peningkatan sejumlah RM11.84 juta atau 14.2%.

10.5.2.2. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, 7 daripada 8 BBN juga menerima geran daripada Kerajaan serta sumbangan lain sejumlah RM472.91 juta pada tahun 2013 berbanding RM478.92 juta pada tahun 2012. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN dan juga menguruskan projek pembangunan. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 10.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.3. Analisis Geran Mengurus BBN

10.5.3.1. Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada BBN sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai BBN serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran. Sebanyak 7 daripada 8 BBN memperoleh geran mengurus daripada Kerajaan Negeri kecuali Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Pada tahun 2013, geran mengurus yang diterima adalah berjumlah RM417.18 juta iaitu peningkatan sejumlah RM1.55 juta atau 0.4% berbanding RM415.63 juta pada tahun 2012.

10.5.3.2. Tiga daripada 7 BBN telah memperoleh peningkatan geran mengurus pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Yayasan Islam Terengganu memperoleh peningkatan geran tertinggi sejumlah RM19.31 juta atau 50.7% berbanding tahun sebelumnya disebabkan peningkatan dalam bayaran emolumen dan elaun KAFA. Perubahan jumlah geran mengurus diterima oleh BBN pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4

**Perubahan Jumlah Geran Mengurus Diterima Oleh Badan Berkanun Negeri
Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	24.81	25.91	1.10	4.4
2.	Yayasan Terengganu	100.38	100.00	-0.38	-0.4
3.	Yayasan Islam Terengganu	38.06	57.37	19.31	50.7
4.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	39.38	19.70	-19.68	-50.0
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	6.00	6.00	0.00	0.0
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	7.00	8.20	1.20	17.1
7.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	200.00	200.00	0.00	0.0
Jumlah		415.63	417.18	1.55	0.4

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.4. Analisis Geran Pembangunan BBN

Analisis Audit mendapati hanya Yayasan Terengganu yang menerima geran pembangunan daripada Kerajaan Negeri. Terdapat pelunasan geran Asrama Berkelompok sejumlah RM0.12 juta setahun dan jumlah ini dipindahkan kepada Penyata Pendapatan setiap tahun mengikut jangka masa kegunaan bangunan tersebut. Selain itu, geran pembangunan yang diterima juga untuk pembinaan pembangunan Sekolah Menengah Imtiaz dan Asrama Mansoura, Mesir seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5

Jumlah Geran Pembangunan Diterima Oleh Yayasan Terengganu

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009	2010	2011	2012	2013
1.	Asrama Berkelompok	3.24	3.12	10.88	10.64	10.52
2.	Sekolah Menengah Imtiaz	92.97	127.97	170.74	170.74	170.74
3.	Asrama Mansoura, Mesir	9.60	15.51	15.51	15.51	15.51
Jumlah		105.81	146.60	197.13	196.89	196.77

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.5. Analisis Lebihan Pendapatan BBN

Pada keseluruhannya, 8 BBN memperoleh lebihan pendapatan (keuntungan) sejumlah RM2,873.29 juta pada tahun 2013 iaitu meningkat sejumlah RM315.08 juta atau 12.3% berbanding RM2,558.21 juta pada tahun 2012. Jumlah lebihan pendapatan BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6**Jumlah Lebihan Pendapatan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**


Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	20.66	21.21	0.55	2.7
2.	Yayasan Islam Terengganu	39.09	67.81	28.72	73.5
3.	Yayasan Terengganu	434.14	464.92	30.78	7.1
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	10.64	2.64	-8.00	-75.2
5.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	566.43	586.65	20.22	3.6
6.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	2.24	2.78	0.54	24.1
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	11.12	9.14	-1.98	-17.8
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	1,473.89	1,718.14	244.25	16.6
Jumlah		2,558.21	2,873.29	315.08	12.3

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.6. Analisis Aset BBN

Pada akhir tahun 2013, sebanyak 8 BBN memperoleh aset sejumlah RM3,800.92 juta berbanding RM3,441.65 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM359.27 juta atau 10.4%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2013 ialah RM1,851.63 juta berbanding RM1,544.48 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset bersih semasa telah meningkat daripada RM1,026.25 juta pada tahun 2012 kepada RM1,290.26 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM264.01 juta atau 25.7%. Peningkatan aset bersih semasa yang ketara berlaku di Yayasan Islam Terengganu iaitu peningkatan sejumlah RM29.55 juta atau 351.4% kerana pengurangan dalam pinjaman kerajaan negeri dan pinjaman OSK Capital Berhad pada tahun 2013. Bagi penurunan dalam aset semasa bersih, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu mencatat penurunan tertinggi sejumlah RM0.83 juta atau 79.8%. Peningkatan dan penurunan dalam aset semasa bersih BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Carta 10.2**.

Carta 10.2
Peningkatan /Penurunan Dalam Aset Bersih Semasa Badan
Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013




Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.7. Analisis Pelaburan BBN

Pada akhir tahun 2013, jumlah pelaburan bagi 6 BBN iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Yayasan Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu ialah RM1, 078.82 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, pelaburan saham amanah, pelaburan jangka panjang dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah menurun sejumlah RM20.71 juta atau 1.9% berbanding RM1,099.53 juta pada tahun 2012. Jenis pelaburan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 10.3**.

Carta 10.3
Jenis Pelaburan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.8. Analisis Liabiliti BBN

Pada akhir tahun 2013, jumlah liabiliti bagi 8 BBN ialah RM610.04 juta berbanding RM594.44 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM15.60 juta atau 2.6%. Tiga daripada 8 BBN mengalami penurunan jumlah liabiliti antara RM2.82 juta hingga RM39.2 juta manakala 5 BBN mempunyai liabiliti yang meningkat antara RM0.17 juta hingga RM66.71 juta. Majlis Sukan Negeri Terengganu mengalami peningkatan liabiliti yang tertinggi pada tahun 2013 kerana peningkatan dalam belanja terakru. Yayasan Terengganu mengalami penurunan dalam liabiliti yang tertinggi pada tahun 2013 kerana pengurangan dalam pinjaman bank. Jumlah liabiliti BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7
Jumlah Liabiliti Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	0.40	1.60	1.20	300.0
2.	Yayasan Islam Terengganu	178.37	139.17	-39.20	-22.0
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	5.91	11.08	5.17	87.5
4.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	334.87	401.58	66.71	19.9
5.	Yayasan Terengganu	46.07	30.26	-15.81	-34.3
6.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	0.27	0.45	0.18	66.7
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	1.13	1.30	0.17	15.0
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	27.42	24.60	-2.82	-10.3
Jumlah		594.44	610.04	15.60	2.6

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.9. Analisis Nisbah BBN

Nisbah hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang menunjukkan hanya satu daripada 8 BBN iaitu Yayasan Islam Terengganu menggunakan lebih daripada 50% jumlah asetnya dibiayai oleh jumlah hutang. Tiga BBN mempunyai kurangan aliran tunai bersih. Tiga BBN menunjukkan nisbah kecairan kurang daripada 2 iaitu menggambarkan BBN berkenaan tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Analisis juga mendapati Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu tidak mempunyai modal kerja yang mencukupi. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8

Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013

Bil.	Agensi	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Yayasan Islam Terengganu	1.15	1.15	21.14	-2.40	66.4
2.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	1.49	1.25	183.65	-28.99	39.8
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	2.37	2.37	15.14	6.12	17.4
4.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	2.34	2.34	2.14	1.96	28.7
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	0.84	0.84	-0.21	0.94	15.3
6.	Yayasan Terengganu	3.95	3.95	32.23	-4.78	5.7
7.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	30.08	30.08	13.00	0.89	2.1
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	47.31	47.31	1,023.16	*TM	1.4

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: * Tiada maklumat

10.5.10. Analisis Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

10.5.10.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2013, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu melabur sejumlah RM47.01 juta dalam 14 syarikat, Yayasan Terengganu melabur sejumlah RM23.81 juta dalam 9 syarikat, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu melabur sejumlah RM304.57 juta dalam 5 syarikat dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu melabur sejumlah RM1.70 juta dalam 2 syarikat. Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu melabur paling tinggi dengan nilai pelaburan berjumlah RM133.91 juta. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh BBN adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9**Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu**

Perkara	PMINT	YT	LTAWNT	YPK	Jumlah
Anak Syarikat (100%)	9	7	2	1	19
Anak Syarikat (>50%)	3	0	2	1	6
Syarikat Bersekutu (<50%)	2	2	1	0	5
Jumlah Syarikat	14	9	5	2	30
Pelaburan (RM juta)	47.01	23.81	304.57	1.70	377.09

Sumber: Penyata Kewangan BBN

10.5.10.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit terhadap anak syarikat yang mana BBN memiliki ekuiti lebih daripada 50% mendapati 4 BBN telah melabur dalam 25 anak syarikat iaitu 13 anak syarikat berstatus aktif dan 12 berstatus dormant. Daripada 4 BBN, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Yayasan Terengganu mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 12 anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan 7 anak syarikat Yayasan Terengganu. Bagaimanapun, daripada 12 anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, sebanyak 6 anak syarikat atau 50% ialah syarikat berstatus dormant manakala 5 anak syarikat Yayasan Terengganu atau 71.4% berstatus dormant. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dormant adalah seperti di **Jadual 10.10**.

Jadual 10.10**Bilangan Anak Syarikat Yang Aktif Dan Dormant Bagi Tahun 2013**

Bil.	BBN	Bilangan Anak Syarikat (Ekuiti lebih daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dormant	Jumlah Syarikat
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	6	6	12
2.	Yayasan Terengganu	2	5	7
3.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	2	0	2
4.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	3	1	4
Jumlah		13	12	25

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.10.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2013, sebanyak 7 anak syarikat yang aktif di bawah 3 BBN mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM11.28 juta. Manakala bagi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah keuntungan/kerugian terkumpul kerana penyata kewangan bagi tahun berakhir 2013 belum dikemukakan kepada pihak Audit. Dari segi kerugian terkumpul analisa Audit menunjukkan 3 anak syarikat di bawah 2 BBN mempunyai kerugian terkumpul secara keseluruhan iaitu berjumlah RM15.29 juta. Antara anak syarikat yang mempunyai keuntungan terkumpul yang tertinggi ialah Permint Mineral Sdn. Bhd. dan Permint Granite Sdn. Bhd., kedua-duanya anak syarikat kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dengan keuntungan terkumpul masing-masingnya

berjumlah RM0.83 juta dan RM1.44 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.11**.

Jadual 10.11

Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul

Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2013

Bil.	BBN	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/ Kerugian Bersih (RM juta)
		Bil. Anak Syarikat	Jumlah (RM juta)	Bil. Anak Syarikat	Jumlah (RM juta)	
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	4	2.96	2	15.06	-12.10
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	2	8.20	-	-	8.20
3.	Yayasan Terengganu	1	0.12	1	0.23	-0.11
Jumlah		7	11.28	3	15.29	-4.01

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman dan menghadapi kerugian terkumpul. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat berdaya maju yang berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan.

10.6. PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pihak Berkuasa Tempatan di Terengganu terdiri daripada satu Majlis Bandaraya, 2 Majlis Perbandaran dan 4 Majlis Daerah. Analisis prestasi kewangan PBT tahun 2013 adalah berdasarkan 7 penyata kewangan yang telah dikemukakan. Tiga penyata kewangan PBT telah siap diaudit iaitu Majlis Daerah Hulu Terengganu, Majlis Daerah Marang dan Majlis Daerah Setiu. 4 PBT yang sedang diaudit adalah Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis Perbandaran Kemaman, Majlis Perbandaran Dungun dan Majlis Daerah Besut. Analisis prestasi kewangan PBT tahun 2012 pula adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2012 yang telah selesai diaudit.

10.6.1. Analisis Prestasi Kewangan PBT

10.6.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi 7 PBT adalah memuaskan berbanding tahun 2012. Lebih Pendapatan Terkumpul, Jumlah Aset dan Lebih Pendapatan Semasa telah meningkat antara 1.8% hingga 1,434.4%. Manakala aset semasa bersih mencatatkan penurunan sebanyak 11.4%. Prestasi kewangan 7 PBT adalah seperti di **Jadual 10.12**.

Jadual 10.12**Kedudukan Kewangan Tahunan PBT Di Negeri Terengganu**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebih Pendapatan Berkumpul	218.93	228.27	9.34	4.3
2.	Jumlah Aset	573.20	583.65	10.45	1.8
3.	Aset Semasa Bersih	86.56	85.37	-1.19	-1.4
4.	Lebih Pendapatan Semasa	0.64	9.82	9.18	1,434.4

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.1.2. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 mendapati 5 daripada 7 PBT berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM3.40 juta hingga RM53.40 juta. Majlis Daerah Hulu Terengganu mencatat aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM53.40 juta di mana aset semasa berjumlah RM54.90 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM1.50 juta. Sementara itu, Majlis Perbandaran Kemaman mengalami aset semasa bersih yang negatif sejumlah RM21.42 juta. Prestasi kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 seperti di **Jadual 10.13**.

Jadual 10.13**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2013**

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	78.69	78.11	0.58	51.91	53.73	-1.82
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	66.55	61.60	4.95	41.52	62.94	-21.42
3.	Majlis Perbandaran Dungun	18.94	17.06	1.88	18.63	6.85	11.78
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	15.08	12.68	2.40	54.90	1.50	53.40
5.	Majlis Daerah Besut	14.39	13.14	1.25	38.20	6.66	31.54
6.	Majlis Daerah Marang	11.30	12.31	-1.01	12.07	3.58	8.49
7.	Majlis Daerah Setiu	15.14	15.37	-0.23	4.36	0.96	3.40
Jumlah		220.09	210.27	9.82	221.59	136.22	85.37

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.1.3. Pada tahun 2013, secara keseluruhan PBT memperoleh surplus berjumlah RM9.82 juta dengan 5 PBT memperoleh surplus dan 2 mengalami defisit. Daripada 5 PBT yang memperoleh surplus, 3 PBT menunjukkan peningkatan dan 2 PBT mengalami penurunan berbanding tahun 2012, seperti di **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14**Kedudukan Kewangan Tahunan PBT Di Negeri Terengganu**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 Surplus/ Defisit (RM Juta)	2013 Surplus/ Defisit (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	-9.06	0.58	9.64	106.4
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	1.28	4.95	3.67	286.7
3.	Majlis Perbandaran Dungun	0.69	1.88	1.19	172.5
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	4.61	2.40	-2.21	-47.9
5.	Majlis Daerah Besut	2.85	1.25	-1.60	-56.1
6.	Majlis Daerah Marang	-0.39	-1.01	-0.62	159.0
7.	Majlis Daerah Setiu	0.68	-0.23	-0.91	-133.8
Jumlah		0.66	9.82	9.16	1,387.9

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.1.4. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah mencatatkan peningkatan prestasi kewangan daripada defisit berjumlah RM9.06 juta pada tahun 2012 kepada surplus berjumlah RM0.58 juta pada tahun semasa dengan kenaikan sejumlah RM9.64 juta atau 106.4%. Ini adalah kerana terdapat peningkatan di dalam penerimaan bantuan Kerajaan Negeri serta pengurangan dalam perbelanjaan penyelenggaraan dan pembelian kecil. Majlis Perbandaran Dungun pula mencatatkan surplus sejumlah RM1.88 juta. Berlaku peningkatan sejumlah RM1.19 juta atau 172.5% berbanding surplus berjumlah RM0.69 juta pada tahun 2012. Ini disebabkan peningkatan dalam cukai langsung dan sewa. Majlis Daerah Hulu Terengganu dan Majlis Daerah Besut yang mengalami penurunan dalam surplus antaranya disebabkan oleh penurunan dalam kutipan hasil cukai, iaitu 3% dan 2.5%.

10.6.1.5. Dua PBT mengalami defisit semasa pada tahun 2013, iaitu Majlis Daerah Marang dan Majlis Daerah Setiu. Bagi Majlis Daerah Marang, ini disebabkan oleh penurunan dalam kutipan hasil cukai (17.2%) dan peningkatan perbelanjaan utiliti (31%). Bagi Majlis Daerah Setiu adalah kerana peningkatan dalam perbelanjaan, terutamanya perbelanjaan perkhidmatan iktisas dan hospitaliti (41.5%) dan perbelanjaan kemudahan dan pembaikan (2.6%).

10.6.2. Hasil Dan Perbelanjaan PBT

Pada tahun 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM210.27 juta yang meliputi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan pembangunan/ infrastruktur dan lain-lain perbelanjaan. Hasil utama PBT pula adalah daripada cukai taksiran, sumbangan/terimaan daripada Kerajaan, faedah daripada pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan dan lain-lain bayaran perkhidmatan. Sumbangan/Terimaan daripada Kerajaan merangkumi terimaan tunai daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pelunasan aset pemberian Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM220.09 juta di mana

cukai taksiran merupakan hasil tertinggi berjumlah RM89.31 juta atau 40.6% daripada keseluruhan hasil PBT. Jenis hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 10.15**.

Jadual 10.15

Jenis Hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Kategori PBT	Cukai Taksiran (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Lesen (RM Juta)	Faedah Pelaburan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	24.35	31.31	19.36	3.47	0.20	78.69
Majlis Perbandaran Kemaman	49.81	3.59	7.94	1.40	3.81	66.55
Majlis Perbandaran Dungun	6.66	4.78	6.61	0.62	0.27	18.94
Majlis Daerah Hulu Terengganu	5.91	5.74	2.99	0.24	0.20	15.08
Majlis Daerah Besut	1.18	6.86	5.04	0.44	0.87	14.39
Majlis Daerah Marang	0.94	5.54	4.36	0.24	0.22	11.30
Majlis Daerah Setiu	0.46	13.04	1.42	0.14	0.08	15.14
Jumlah	89.31	70.86	47.72	6.55	5.65	220.09

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.3. Aset Semasa Bersih PBT

10.6.3.1 Pada tahun 2013, kesemua 7 PBT di Negeri Terengganu mengamalkan perakaunan berasaskan akrual ubahsuaian. Mengikut perakaunan berasaskan akrual ubahsuaian, transaksi adalah direkod pada asas akrual kecuali sebahagian aset atau liabiliti yang tidak diambil kira dalam Lembaran Imbangan. Akaun belum terima hanya mengambil kira penghutang cukai taksiran dan sewa sahaja. Perkiraan aset semasa bersih PBT adalah aset semasa ditolak dengan liabiliti semasa. Aset semasa bersih PBT di Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 dan 2013 adalah seperti **Jadual 10.16**.

Jadual 10.16

Aset Semasa Bersih PBT Di Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 dan 2013

PBT	Tahun 2012			Tahun 2013			Perubahan Aset Semasa Bersih	
	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih		
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
MBKT	61.53	67.28	-5.75	51.91	53.73	-1.82	3.93	-68.4
MPK	40.84	52.40	-11.56	41.52	62.94	-21.42	-9.86	85.3
MPD	17.05	6.88	10.17	18.63	6.85	11.78	1.61	15.8
MDHT	52.80	2.08	50.72	54.90	1.50	53.40	2.68	5.3
MDB	36.82	6.88	29.94	38.20	6.66	31.54	1.60	5.3
MDM	12.69	4.22	8.47	12.07	3.58	8.49	0.02	0.2
MDS	6.57	2.00	4.57	4.36	0.96	3.40	-1.17	-25.6
Jumlah	228.30	141.74	86.56	221.59	136.22	85.37	-1.19	-1.4

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.3.2. Analisis Audit terhadap aset semasa bersih PBT mendapati perkara seperti berikut:

- a. Aset semasa bersih PBT di Negeri Terengganu secara keseluruhan pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM1.19 juta atau 1.4%. Aset semasa bersih pada tahun 2012 berjumlah RM86.56 juta manakala RM85.37 juta pada tahun 2013.
- b. Liabiliti semasa bersih tahun 2013 bagi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) telah menurun sejumlah RM3.93 juta atau 68.4%. Liabiliti semasa bersih pada tahun 2012 adalah berjumlah RM5.75 juta manakala pada tahun 2013 liabiliti semasa bersih berjumlah RM1.82 juta. Perubahan ini disebabkan oleh pengurangan dalam Pelbagai Belum Bayar dan Pinjaman Semasa sejumlah RM15.01 juta.
- c. Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) turut mengalami peningkatan dalam liabiliti semasa bersih. Pada tahun 2013 liabiliti semasa bersih MPK telah meningkat sejumlah RM9.86 juta atau 85.3%. Liabiliti semasa bersih pada tahun 2012 adalah berjumlah RM11.56 juta manakala pada tahun 2013 berjumlah RM21.42 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan dalam pinjaman Kerajaan Negeri yang perlu dibayar dalam tempoh setahun sejumlah RM13.62 juta. Manakala Majlis Perbandaran Dungun (MPD) menunjukkan peningkatan aset semasa bersih sebanyak RM1.61 juta atau 15.8% berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan pertambahan simpanan tetap sejumlah RM2.5 juta.
- d. Majlis Daerah Setiu (MDS) turut mengalami pengurangan aset semasa bersih. Aset semasa bersih MDS telah berkurang sejumlah RM1.17 juta atau 25.6% berbanding tahun sebelumnya. Tiga PBT yang lain menunjukkan peningkatan aset semasa bersih antara RM0.02 juta hingga RM2.68 juta atau 0.2% hingga 5.3% berbanding tahun sebelumnya. Majlis yang terlibat adalah Majlis Daerah Marang, Majlis Daerah Hulu Terengganu dan Majlis Daerah Besut.

10.6.4. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

10.6.4.1. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Caruman bantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM89.31 juta cukai taksiran telah dikutip oleh PBT di Negeri Terengganu. Hasil cukai taksiran ini bertambah sejumlah RM1.37 juta atau 1.6% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2012. Hasil cukai taksiran PBT bagi tempoh 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.17**.

Jadual 10.17**Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tempoh 2012 Dan 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	27.86	24.35	-3.51	-12.6
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	44.74	49.81	5.07	11.3
3.	Majlis Perbandaran Dungun	6.62	6.66	0.04	0.6
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	5.94	5.91	-0.03	-0.51
5.	Majlis Daerah Besut	1.21	1.18	-0.03	-2.5
6.	Majlis Daerah Marang	1.14	0.94	-0.20	-17.5
7.	Majlis Daerah Setiu	0.43	0.46	0.03	7.0
Jumlah		87.94	89.31	1.37	1.6

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.6.4.2. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan telah meningkat daripada RM86.15 juta pada tahun 2012 kepada RM96.45 juta pada tahun 2013 di mana berlaku peningkatan sejumlah RM10.30 juta atau 12%. Semua PBT di Negeri Terengganu menunjukkan peningkatan jumlah tunggakan cukai taksiran antara RM0.07 juta hingga RM4.69 juta atau 7.4% hingga 25%. Tunggakan cukai taksiran bagi tempoh 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.18**.

Jadual 10.18**Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tempoh 2012 Dan 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	22.96	24.89	1.93	8.4
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	10.25	12.81	2.56	25.0
3.	Majlis Perbandaran Dungun	5.12	5.50	0.38	7.4
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	43.07	47.76	4.69	10.9
5.	Majlis Daerah Besut	2.30	2.66	0.36	15.7
6.	Majlis Daerah Marang	1.94	2.25	0.31	16.0
7.	Majlis Daerah Setiu	0.51	0.58	0.07	13.7
